

LAPORAN TAHUNAN


Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia

2011



KANDUNGAN

Perutusan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri	04
Perutusan Pendaftar	05
Maklumat Korporat	6-10
Struktur Organisasi	11-15
Pencapaian dan kejayaan JPPM	16-17
Pengurusan Pertubuhan	18-25
Pemantauan Pertubuhan	26-31
Penguatkuasaan ke Atas Pertubuhan	32-36
Program Pemantapan Pertubuhan	37-64
Transformasi JPPM	65-101
Pembangunan Sumber Manusia	102-107
Khidmat Pengurusan Jabatan	108-130
Teknologi Maklumat	131-138
Prestasi Belanja	139-141
Takwim	142-143
Sidang Redaksi	144
Keratan Akhbar	145-153
Galeri JPPM	154-155
Gambar Klasik Pertubuhan	156-157
Alamat Ibu Pejabat JPPM	158-159



Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia adalah sebuah Jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri yang mengendalikan pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan dan parti politik. Di bawah Seksyen 2, Akta Pertubuhan 1966, sesebuah pertubuhan adalah didefinisikan sebagai mana-mana kelab, perkongsian atau persatuan yang mengandungi tujuh (7) orang atau lebih, tidak kira apa jua jenis atau tujuannya, sama ada sementara atau kekal tetapi tidak termasuk badan-badan yang perlu didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis seperti syarikat, koperasi, kesatuan sekerja, persatuan ibu bapa dan guru, badan-badan sukan dan lain-lain.



PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA

Kementerian Dalam Negeri



Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera.

Bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan keizinanNya juga kita dapat terus menyumbang ke arah kecemerlangan dan kegembiraan Kementerian Dalam Negeri sejajar dengan Visi Kementerian sebagai Peneraju Keselamatan Dalam Negeri.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) di atas segala usaha dan inisiatif yang telah dicurahkan di dalam menerbitkan Laporan Tahunan Jabatan bagi tahun 2011. Penerbitan buku laporan tahunan ini diharap dapat memberi gambaran yang jelas mengenai fungsi dan peranan JPPM sebagai 'custodian' dan penyimpan rekod pendaftaran semua pertubuhan berdaftar di Malaysia.

KDN sentiasa memberikan sokongan dan kerjasama yang terbaik kepada JPPM di dalam melaksanakan transformasi dari semasa ke semasa demi meningkatkan imej dan sistem penyampaian JPPM khususnya kepada pertubuhan-pertubuhan berdaftar yang terdapat di negara ini. Usaha menggerakkan gelombang kesukarelaan akan lebih mudah disemarakkan melalui peranan dan kerjasama yang dimainkan oleh pertubuhan-pertubuhan berdaftar.

Justeru, peranan JPPM menjadi bertambah penting di dalam memastikan pertubuhan-pertubuhan berdaftar dapat bergerak secara lebih aktif, sihat dan seterusnya menjadi faktor penyumbang kepada keselamatan, kestabilan dan pembangunan sosio-ekonomi rakyat secara keseluruhannya. Dalam apa jua urusan dan tugas yang dilaksanakan, hak rakyat perlu sentiasa didahulukan, pencapaian Jabatan perlu sentiasa diutamakan.

Justeru saya mengambil kesempatan murni ini mengucapkan syabas dan selamat maju jaya kepada semua warga JPPM. Sentiasa mantapkan integriti dan hiasi sahsiah diri. Semoga Allah akan memberkati segala usaha yang dicurahkan demi memartabatkan agama, bangsa dan negara yang tercinta.

Sekian, Wassalam.


TAN SRI MAHMOOD BIN ADAM
Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri

PERUTUSAN PENDAFTAR

Pertubuhan Malaysia



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, Laporan Tahunan bagi tahun 2011 dapat diterbitkan untuk rujukan semua warga JPPM dan organisasi kerajaan yang lain. Syabas dan tahniah diucapkan kepada para pegawai yang terlibat dalam menyempurnakan penerbitan Laporan Tahunan bagi tahun ini.

Menyedari bahawa kebebasan untuk menubuhkan persatuan dinatakan secara jelas dalam Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) telah menjalankan pelbagai usaha bagi meningkatkan sistem penyampaian kepada pelanggan.

Justeru itu, penggunaan aplikasi Sistem Pendaftaran Pertubuhan Secara Elektronik (ROSES) telah diperluaskan dan ditambahbaik dalam setiap urusan berkaitan pertubuhan. Penggunaan aplikasi ROSES bukan sahaja dapat meningkatkan 'business process' dalam Jabatan, malah memastikan penyediaan maklumat dan statistik yang sentiasa terkini dan tepat.

Laman sesawang rasmi Jabatan telah ditambahbaik dan diperbaharui agar tampak lebih interaktif dan informatif dari segi menyalurkan maklumat mengenai Jabatan yang amat berguna kepada pelanggan. Begitu juga halnya dengan penggunaan facebook Jabatan yang kian hari bergerak secara lebih aktif di mana semua aktiviti dan perkembangan semasa Jabatan akan dimuatnaik dan dimaklumkan dari semasa ke semasa dengan segera.

Dalam masa yang sama, Jabatan telah meningkatkan program-program yang didapati telah membantu pertubuhan menguruskan pentadbirannya mengikut Perlembagaan dan bergerak secara sihat serta seterusnya boleh menyumbang kepada keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat.

Selama tempoh setahun saya bersama-sama dengan JPPM, berbagai-bagai transformasi telah dilaksanakan. Ini termasuklah semua pengarah Negeri telah diberikan kuasa untuk menguruskan pertubuhan di negeri masing-masing. Langkah transformasi seterusnya ialah setiap JPPM di seluruh negeri telah menyediakan kemudahan kaunter santai untuk kegunaan dan keselesaan pelanggan semasa berurusan di JPPM. Selain itu juga, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan membabitkan seluruh JPPM Negeri seperti Program JPPM berbentuk Outreach iaitu Sehari Bersama Pelanggan yang meliputi Sesi Dialog, Taklimat dan Majlis Ramah Mesra bersama Pertubuhan, aktiviti berbentuk kebajikan dan kesukarelaan seperti program anak angkat, pemberian sumbangan dan bantuan kepada pertubuhan kebajikan dan sebagainya. Kursus dan Taklimat Pengurusan Pertubuhan kepada pertubuhan baru dan lama juga merupakan program berterusan yang dilaksanakan di setiap JPPM Negeri.

Adalah diharapkan agar laporan tahunan Jabatan ini dapat memberikan gambaran penuh mengenai aktiviti dan pencapaian Jabatan secara keseluruhannya sepanjang tahun 2011. Akhir kalam, Jabatan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang sentiasa memberi sokongan dan kerjasama yang berterusan kepada JPPM.

Sekian, Wassalam.

"PELUANG UNTUK KEBAJIKAN".


DATU' ABDUL RAHMAN BIN OTHMAN
Pendaftar Pertubuhan Malaysia

PENDAHULUAN

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) telah ditubuhkan pada 01 September 1949 sebaik sahaja Ordinan Pertubuhan 1949 dikuatkuasakan mulai 1 September 1949. Jabatan ini mengambil alih tugas-tugas pendaftaran dan penguatkuasaan terhadap pertubuhan di seluruh negara yang sebelum ini dilakukan oleh Pejabat Kesatuan Sekerja (Trade Union Office). Ordinan Pertubuhan 1949 ini telah disemak semula dalam tahun 1966 dengan menggabungkan tiga ordinan, iaitu Ordinan Pertubuhan 1949 (Persekutuan Tanah Melayu), Ordinan Pertubuhan 1951 (Negeri Sarawak) dan Ordinan Pertubuhan 1961 (Negeri Sabah). Akta ini dikenali dengan Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335) dan dikuatkuasakan mulai 1 Februari 1966. Selain Akta Pertubuhan 1966, Jabatan juga merujuk kepada Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan, Akta Polis 1967 dan Kanun Acara Jenayah sebagai panduan.

MISI

Memantapkan hubungan baik dengan pertubuhan dan meningkatkan penguatkuasaan Akta Pertubuhan 1966.

VISI

Menjadi Jabatan yang dinamik dan kompeten dalam pengurusan pertubuhan.

OBJEKTIF

Memastikan Pertubuhan-pertubuhan berdaftar bergerak sejajar dengan Akta Pertubuhan 1966, Undang-undang Tubuh Pertubuhan dan Dasar-dasar Negara.

MOTTO

Mesra, Tegas dan Berilmu

MAKLUMAT KORPORAT

FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB JABATAN

Fungsi Jabatan adalah seperti berikut :

- i) Mentadbir dan menguatkuasa Akta Pertubuhan 1966, Peraturan-peraturan Pertubuhan 1984 dan dasar-dasar mengenai pertubuhan;
- ii) Mengawal dan mengawasi pertubuhan supaya tidak bertentangan dengan keamanan, kebajikan, keselamatan, ketenteraman awam, ketertiban atau akhlak; dan
- iii) Memberi khidmat nasihat dan bimbingan dalam aspek pengurusan pertubuhan serta mengurus dan menyimpan rekod-rekod pertubuhan berdaftar.

Selaras dengan fungsi berkenaan, tanggungjawab Jabatan adalah mendaftar dan memantau pergerakan/aktiviti pertubuhan-pertubuhan di seluruh Negara supaya tidak melanggar Perlembagaan Pertubuhan dan seterusnya tidak menggugat keselamatan dan ketenteraman awam serta undang-undang Negara. Di samping itu, Jabatan juga bertanggungjawab membendung perkembangan ideologi atau fahaman yang bertentangan dengan dasar Kerajaan, akhlak dan nilai-nilai moral. Tanggungjawab ini dilaksanakan berdasarkan Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335) dan Perlembagaan Pertubuhan. Pertubuhan yang didapati melanggar perlembagaannya boleh menyebabkan pertubuhan itu dibatalkan. Sebarang pelanggaran Akta akan menyebabkan tindakan undang-undang dan pendakwaan di mahkamah diambil ke atas pemegang-pemegang jawatan pertubuhan.

Perkhidmatan teras (Core Business) Jabatan ini adalah diterangkan seperti di dalam kerangka model yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



BUSINESS PROCESS

PROSES-PROSES TERAS (CORE PROCESSES)

OUTPUT/IMPAK

- Sijil Pendaftaran
- Pertubuhan bergerak sejajar dengan keselamatan negara, ketenteraman awam dan akhlak
- Pertubuhan menikmati

INPUT

PERTUBUHAN

Pengurusan Pertubuhan

- Pendaftaran Pertubuhan
- Kemaskini maklumat Pertubuhan
- Mengurus penerimaan Penyata Tahunan
- Mengurus keberkesanan peranan Pertubuhan
- Memantau dan menguatkuasa Akta Pertubuhan
- 1966 dan Peraturan 1984
- Menyiasat aduan terhadap Pertubuhan
- Mengurus pendakwaan terhadap Pertubuhan

Penguatkuasaan

- Menedahkan maklumat Pertubuhan kepada Stakeholders bagi membuat keputusan.
- Menedahkan maklumat pertubuhan kepada pelbagai Agensi bagi tujuan perancangan, penyelidikan dan sebagainya.
- Memastikan rekod pertubuhan disimpan dengan selamat, kemaskini dan tepat.

Penyimpanan Rekod Pertubuhan

PROSES-PROSES SOKONGAN (SUPPORTING PROCESSES)

Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan

Teknologi

PIAGAM PELANGGAN

- i) Menyelesaikan semua permohonan urusan pertubuhan yang lengkap dan teratur dalam tempoh berikut:
 - a) Permohonan pendaftaran pertubuhan induk Peringkat Negeri - 5 Hari Bekerja
Peringkat Ibu Pejabat - 5 Hari Bekerja
 - b) Permohonan pindaan undang-undang Pindaan sebahagian - 1 bulan
Pindaan keseluruhan - 60 Hari
 - c) Permohonan penubuhan cawangan dalam tempoh 5 Hari Bekerja
- ii) Menyiasat semua aduan dalam tempoh tidak melebihi satu bulan dari tarikh terima aduan.
- iii) Memberi khidmat nasihat, pandangan dan ulasan mengenai perkara-perkara berkaitan Undang-undang Tubuh Pertubuhan dan Akta Pertubuhan 1966 secara profesional dengan segera.

AKTA PERTUBUHAN 1966 (AKTA 335) & PERATURAN-PERATURAN

(TINGGA 20^{HB} MEI 2008)


NILAI-NILAI BERSAMA

Selaras dengan usaha-usaha penerapan dan pemantapan nilai-nilai murni di kalangan pegawai-pegawai Jabatan, Kod Etika disediakan sebagai panduan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan daripada Stakeholders. Kod Etika Jabatan mengandungi empat prinsip utama seperti berikut:

- i) Profesionalisme
Sentiasa menjalankan tugas tanpa pilih kasih, sentiasa objektif dan tidak mementingkan diri serta sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui pembelajaran berterusan.
- ii) Bekerja sebagai satu pasukan
Bekerja ke arah mencapai misi dan visi Jabatan dengan sentiasa melibatkan diri dan memberi sumbangan dalam aktiviti Jabatan, berkongsi pengalaman, maklumat dan ilmu pengetahuan.
- iii) Berorientasikan perkhidmatan
Sentiasa melaksanakan tugas dengan segera (sense of urgency) dan melakukan yang terbaik untuk mencapai kecemerlangan serta sentiasa berusaha menambahbaik dan meningkatkan prestasi kerja.
- iv) Berhemah dan berwibawa
Sentiasa jujur, mematuhi peraturan, amanah, berakauntabiliti, tenang dan sabar serta boleh menyesuaikan diri dalam semua keadaan. Bersedia menerima teguran dan kritikan berguna.

STRUKTUR ORGANISASI

CARTA ORGANISASI JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA



PENGURUSAN TERTINGGI JPPM

Dato' Abdul Rahman bin Othman
Ketua Pengarah

Tuan Haji Fison bin Haji Yahaya
Timbalan Ketua Pengarah

Encik Dasmond Das A/L Michael Das
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pengurusan Pertubuhan

Encik Arsyad bin Kamaruddin, ASP
**Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penguatkuasaan**

Puan Noor Azah binti Abdul Rahman
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pengurusan Teknologi
Maklumat

**Encik Julnain bin Abdul
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Sumber Manusia dan
Khidmat Pengurusan**

Encik Nor affendy bin Abd. Khalid
Pengarah JPPM Negeri Selangor

Puan Lim Jit Ngoh
Pengarah JPPM Negeri Johor

Encik Ken Leben
Pengarah JPPM Negeri Sarawak

Puan Juzilawati binti Kamarudin
Pengarah JPPM Negeri Pahang
Puan Wan Rahimah binti Wan Hamat
Pengarah JPPM Negeri Kelantan

Puan Amirthavalli A/P A.V. Muthiah
Pengarah JPPM Negeri Perak

Puan Zuliana binti Mohd Akob
Pengarah JPPM WP Kuala Lumpur

Encik Matthew anak Dominic Barin
Pengarah JPPM Negeri Sabah

Puan Nur Azlin binti Mohamad Awal
Pengarah JPPM Negeri Kedah

Encik Talib bin Ahmad
Pengarah JPPM Negeri Pulau Pinang

Puan Wan Suhaini bin Wan Mohamad
Pengarah JPPM Negeri Terengganu

Cik Mustika Najwa binti Abu Hassan
Pengarah JPPM Negeri Melaka

Encik Ezzat Syuaqi bin Ahamad
Pengarah JPPM Negeri Sembilan

Puan Norazlinda binti Ali
Pengarah JPPM Negeri Perlis

STRUKTUR ORGANISASI JABATAN

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia beribu pejabat di Putrajaya dan mempunyai 14 buah pejabat negeri serta sebuah cawangan di Miri. Jabatan ini diketuai oleh Pendaftar Pertubuhan dan dibantu oleh Timbalan Pendaftar Pertubuhan. Pejabat-pejabat JPPM Negeri pula diketuai oleh Pengarah/Penolong Pendaftar Pertubuhan. Jumlah semasa perjawatan Jabatan adalah sebanyak 275. Daripada jumlah ini, 1 perjawatan adalah daripada Pengurusan Tertinggi, 24 perjawatan adalah daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional, manakala 250 perjawatan lagi adalah daripada Kumpulan Sokongan.

1. Peringkat Ibu Pejabat

Struktur organisasi Ibu Pejabat terdiri daripada empat (4) bahagian, iaitu Bahagian Pengurusan Pertubuhan, Bahagian Penguatkuasaan, Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat serta Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan. Fungsi dan tanggungjawab setiap bahagian berkenaan adalah seperti berikut:

1.1 Bahagian Pengurusan Pertubuhan

Bahagian ini bertanggungjawab menguruskan pendaftaran pertubuhan dan pemantauan pertubuhan-pertubuhan berdaftar. Selain mempertimbangkan permohonan bergerak sementara, permohonan pinداan undang-undang, pelantikan pegawai harta dan pegawai awam, mengeluarkan surat-surat perintah pembatalan, Bahagian ini juga bertanggungjawab memproses permohonan rayuan berkaitan penolakan atau pembatalan ke atas pendaftaran pertubuhan untuk dikemukakan kepada Kementerian bagi pertimbangan Y.B. Menteri Dalam Negeri.

1.2 Bahagian Penguatkuasaan

Bahagian ini bertanggungjawab mengenai urusan pemeriksaan, siasatan aduan, risikan dan pendakwaan bagi memastikan pengurusan pertubuhan, pelaksanaan program/aktiviti pertubuhan selaras dengan Akta Pertubuhan 1966, Perlembagaan Per-

tubuhan dan Dasar-dasar Negara. Bahagian ini bekerjasama dengan Cawangan Penguatkuasaan JPPM Negeri dalam tugas-tugas pemeriksaan dan siasatan ke atas pertubuhan-pertubuhan berdaftar di negeri berkenaan.

1.3 Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat

Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat bertanggungjawab merancang, mengurus, membangun, dan menyelenggara sistem teknologi maklumat Jabatan. Bahagian ini juga bertanggungjawab memastikan rangkaian talian yang menghubungkan antara Ibu Pejabat dan JPPM Negeri sentiasa berada dalam keadaan memuaskan dan beroperasi dengan baik.

1.4 Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan

Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan bertanggungjawab terhadap hal-hal berkaitan perkhidmatan, perjawatan, latihan serta pengurusan prestasi dan disiplin pegawai. Selain itu, bahagian ini juga menguruskan hal-hal berkaitan pengurusan dan pentadbiran am pejabat, pengurusan kualiti dan produktiviti, perhubungan awam dan khidmat korporat serta keselamatan. Bahagian ini turut berfungsi dalam menguruskan kewangan dan akaun Jabatan.

2. Peringkat JPPM Negeri

Pada dasarnya tugas dan tanggungjawab JPPM Negeri adalah sama seperti tanggungjawab di Ibu Pejabat, iaitu menerima, memproses dan meluluskan permohonan pendaftaran pertubuhan kecuali menyemak permohonan bagi kategori politik, perdagangan, antarabangsa, agama, dan lain-lain pertubuhan di peringkat nasional. Struktur JPPM Negeri terbahagi kepada empat (4) cawangan iaitu

Cawangan Pengurusan Pertubuhan, Cawangan Kawalan, Cawangan Penguatkuasaan dan Cawangan Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan. Tugas dan tanggungjawab setiap cawangan adalah seperti berikut:

2.1 Cawangan Pengurusan Pertubuhan

Cawangan ini bertanggungjawab memproses permohonan pendaftaran pertubuhan, bergerak sementara, pindaan undang-undang, pertukaran nama pertubuhan dan alamat berdaftar, pendaftaran pegawai harta dan pegawai awam. Cawangan ini juga bertanggungjawab memberi khidmat nasihat serta bimbingan mengenai pengurusan pertubuhan melalui program ceramah dan taklimat .

2.2 Cawangan Kawalan

Cawangan ini bertanggungjawab menerima, memantau dan menyemak Penyata Tahunan yang dihantar oleh pertubuhan induk dan cawangan. Melalui semakan Penyata Tahunan, cawangan ini memastikan pengurusan kewangan pertubuhan adalah teratur, kepentingan dan hak-hak ahli terjamin. Selain itu, cawangan ini juga bertanggungjawab mengeluarkan notis-notis di bawah Seksyen 13(2), 14(2) dan 14(5) serta mengesyorkan pembatalan ses sebuah pertubuhan yang gagal mematuhi kehendak notis-notis yang dikeluarkan.

2.3 Cawangan Penguatkuasaan

Cawangan Penguatkuasaan bertanggungjawab melakukan lawatan pemeriksaan ke atas pertubuhan berdaftar secara bernotis atau tanpa notis. Cawangan ini juga bertanggungjawab menjalankan siasatan ke atas semua aduan yang diterima sama ada yang melanggar peruntukan-peruntukan di bawah Akta Pertubuhan 1966 atau Perlembagaan Pertubuhan serta melakukan risikan ke atas pertubuhan tidak berdaftar yang diyakini bergerak aktif.

2.4 Cawangan Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan

Cawangan ini bertanggungjawab mengenai pengurusan sumber manusia, pentadbiran am pejabat, pengurusan kualiti dan produktiviti serta keselamatan. Selain itu, cawangan ini turut berfungsi dalam mengawal perbelanjaan dan kutipan hasil Jabatan di peringkat negeri.

PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN JPPM TAHUN 2011

PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN JPPM

Pada 21 Oktober 2011, JPPM Negeri Kelantan telah berjaya memenangi pingat emas di dalam Konvensyen Amalan Persekutaran 5S/QE Peringkat Kebangsaan yang telah diadakan di Sunway Convention Centre. Ini merupakan pencapaian terbaik JPPM bagi tahun 2011 kerana JPPM sedang melalui proses transformasi. Sebagai langkah awal, JPPM Negeri Kelantan yang berskala kecil telah dijadikan Jabatan pertama untuk mencapai tahap cemerlang dalam pelbagai aspek, dan seterusnya disusuli oleh JPPM negeri-negeri lain yang mempunyai kapasiti lebih besar dari segi bilangan tenaga kerja dan jumlah persatuan yang berdaftar untuk memperoleh pencapaian yang setimpal atau lebih baik. Ini kerana, sesuatu transformasi yang hendak dilakukan perlulah dimulakan dengan organisasi yang lebih kecil dan terus bergerak ke organisasi yang paling besar.

PEMENANG PINGAT EMAS KONVENTSYEN AMALAN PERSEKITARAN 5S/QE PERINGKAT KEBANGSAAN DI SUNWAY CONVENTION CENTRE PADA 21 OKTOBER 2011



PENGURUSAN PERTUBUHAN

PENGURUSAN PERTUBUHAN

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia telah merekodkan sebanyak 118,006 buah pertubuhan induk dan cawangan yang berdaftar sehingga 31 Disember 2011 melalui 14 buah pejabat JPPM Negeri termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta 1 cawangan kecil di Miri, Sarawak.


Antara tugas-tugas utama yang dilaksanakan oleh Jabatan adalah memproses permohonan pendaftaran pertubuhan, permohonan penubuhan cawangan, permohonan pindaan undang-undang, permohonan pengesahan Pegawai Harta dan Pegawai Awam, permohonan rayuan kepada Menteri Dalam Negeri serta permohonan khas untuk Pertubuhan Faedah Bersama.

1.1 Pendaftaran Pertubuhan Induk

Sehingga 15 Disember 2011, Jabatan telah menerima sejumlah 4,212 permohonan pendaftaran pertubuhan baru berbanding 3,541 permohonan bagi tahun 2010. Jumlah ini telah menunjukkan peningkatan penerimaan permohonan mendaftarkan pertubuhan sebanyak 16% berbanding tahun sebelumnya. Statistik permohonan pendaftaran pertubuhan induk yang diterima pada tahun 2011 mengikut JPPM Negeri ditunjukkan seperti dalam Rajah 3.

Berdasarkan Rajah 3, JPPM Negeri Selangor telah mencatatkan jumlah penerimaan permohonan pendaftaran pertubuhan paling banyak berbanding dengan negeri-negeri lain. JPPM Negeri Perak mencatatkan sebanyak 565 permohonan manakala JPPM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menerima sebanyak 448 permohonan bagi tahun 2011. Peningkatan penerimaan permohonan pendaftaran pertubuhan setiap tahun menunjukkan kesedaran masyarakat setempat mengenai kelebihan dan faedah berpersatuan turut meningkat.


Sehingga 15 Disember 2011, sebanyak 3,824 permohonan pendaftaran pertubuhan induk telah diluluskan. Dalam tempoh yang sama, sebanyak 229 permohonan telah ditolak dan sebanyak 18 permohonan adalah ditarik balik. Selebihnya sebanyak 141 permohonan sedang diproses. Secara keseluruhannya, 90.8% daripada jumlah permohonan pendaftaran induk yang diterima pada tahun 2011 telah diluluskan, 5.4% adalah ditolak permohonan pendaftarannya dan 0.4% lagi telah ditarik balik. Sebanyak 3.3% permohonan yang diterima adalah sedang diproses. Rajah 4 menunjuk statistik permohonan yang diluluskan, ditolak, ditarik balik dan sedang diproses.



Rajah 3: Permohonan pendaftaran Pertubuhan Induk yang diterima mengikut JPPM Negeri

Negeri	Kategori	JUMLAH																																							
		Sabah			Sarawak			Johor			Terengganu			Kelantan			Pahang			Melaka			Negeri Sembilan			W.P Kuala Lumpur			Selangor			Perak			Pinang			Kedah			Perlis
Agama	40	379	1,322	1,287	1,660	867	372	335	283	56	33	2,124	355	224	224	224	9,337																								
Am	54	393	601	518	2,169	1,217	467	412	222	107	74	668	257	177	177	177	7,336																								
Kebajikan Masyarakat	67	394	1,042	1,409	1,354	1,193	438	396	514	308	209	1,199	751	506	506	506	9,780																								
Sosial dan Rekreasi	66	293	411	716	1,091	1,128	242	234	410	174	203	790	571	416	416	416	6,745																								
Perdagangan	20	151	239	324	516	647	101	110	163	81	69	494	341	307	307	307	3,563																								
Belia	22	180	82	360	244	80	201	85	363	123	112	410	28	287	287	287	2,577																								
Sukan	4	38	67	125	191	255	51	109	54	23	14	179	224	252	252	252	1,586																								
Kebudayaan	18	82	182	209	249	324	75	75	103	109	87	44	264	269	140	140	2,155																								
Faedah Bersama	35	313	94	311	192	74	147	125	123	50	62	216	33	37	37	37	1,812																								
Pekerjaan	11	31	56	76	327	514	37	30	29	83	33	122	132	36	36	36	1,517																								
Wanita	5	37	19	45	92	111	26	26	23	31	16	42	41	56	56	56	570																								
Pendidikan	1	13	31	19	147	100	13	14	27	31	8	34	26	26	26	26	490																								
Politik	0	0	1	0	7	10	0	0	0	2	0	0	0	0	0	0	0	33																							
Lain-lain	0	0	0	3	78	8	6	2	6	6	2	13	0	1	1	1	125																								
JUMLAH	343	2,304	4,147	5,402	8,317	6,528	2,176	1,981	2,326	1,162	879	6,555	3,034	2,472	2,472	2,472	47,626																								

Jadual 1: Jumlah pertubuhan induk berdaftar mengikut JPPM Negeri dan kategori sehingga 15 Disember 2011



Rajah 4: Statistik permohonan yang diluluskan, ditolak, ditarik balik dan sedang diproses

Secara keseluruhan, jumlah terkumpul pertubuhan induk berdaftar sehingga 15 Disember 2011 ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jumlah peratusan keseluruhan bagi setiap kategori pertubuhan induk yang didaftarkan ditunjukkan dalam Rajah 6.

Rajah 6: Peratusan keseluruhan bagi setiap kategori Pertubuhan Induk yang didaftarkan Berdasarkan Rajah 6, 55.41% daripada keseluruhan pertubuhan yang didaftarkan oleh Jabatan ini adalah terdiri daripada kategori Kebajikan Masyarakat, Agama dan Am. Secara amnya, ketiga-tiga kategori pertubuhan ini didaftarkan bertujuan untuk memberi bantuan dan sumbangan kepada ahli-ahlinya. Pertubuhan yang dikategorikan sebagai pertubuhan kategori agama adalah pertubuhan yang didaftarkan bertujuan untuk mengembangkan ajaran agama atau menguruskan tempat ibadat.

Sementara itu, pertubuhan-pertubuhan yang terletak di bawah kategori Am pula adalah terdiri daripada pertubuhan bercorak alam sekitar, pengguna, persatuan penduduk, alumni dan bekas polis. Pertubuhan di bawah kategori Kebajikan Masyarakat menjalankan aktiviti yang bertujuan untuk menunaikan tanggungjawab sosial kepada masyarakat.

1.2 Pendaftaran Pertubuhan Cawangan

Sehingga 30 November 2011, Jabatan telah membenarkan sebanyak 1,692 penubuhan cawangan pertubuhan. Secara keseluruhan, sehingga 30 November 2011, terdapat sebanyak 70,380 pertubuhan cawangan yang masih aktif berdaftar dengan Jabatan. Sejumlah besar cawangan adalah terdiri daripada kategori Parti Politik, iaitu sebanyak 53,647 pertubuhan atau 76.22% daripada keseluruhan jumlah cawangan yang didaftarkan, diikuti dengan pertubuhan Belia sebanyak 8.22% dan Am sebanyak 3.22%.


Statistik pertubuhan cawangan berdaftar mengikut JPPM Negeri dan kategori ditunjukkan seperti dalam Jadual 2 dan diringkaskan mengikut peratusan seperti dalam Rajah 7.

1.3 Penolakan Permohonan Pendaftaran Pertubuhan Baru

Pada tahun 2011, Jabatan telah menolak sebanyak 229 permohonan untuk mendaftarkan persatuan di atas sebab-sebab berikut:

Kategori	Negeri	JUMLAH													
		Sabah	Sarawak	Johor	Terengganu	Kelantan	Pahang	Melaka	Negeri Sembilan	W.P Kuala Lumpur	Selangor	Perak	Pinang	Kedah	Perlis
Politik	664	4,618	2,051	6,460	6,554	1,958	2,019	1,569	2,465	4,223	1,677	4,633	1,283	13,473	53,647
Belia	0	567	512	980	402	388	413	238	494	439	196	220	836	100	5,785
Am	28	301	66	659	435	116	105	62	81	80	58	155	101	21	2,268
Kebajikan Masyarakat	7	61	66	118	74	42	12	36	221	81	37	113	189	719	1,776
Kebudayaan	5	67	29	56	54	54	37	15	70	15	11	125	24	920	1,482
Agama	7	80	62	157	206	126	94	70	67	31	27	251	173	265	1,616
Wanita	15	33	12	17	38	53	25	24	64	30	27	83	659	91	1,171
Perdagangan	4	75	22	64	53	18	53	51	91	39	19	164	106	39	798
Sosial Dan Rekreasi	10	4	19	37	36	52	3	19	36	8	17	175	106	102	629
Pekerjaan	6	260	3	21	24	37	5	9	90	19	11	50	17	11	563
Sukan	0	17	0	57	61	44	12	21	9	2	0	34	15	87	359
Pendidikan	13	17	0	10	51	16	12	16	37	3	12	45	0	17	249
Faedah Bersama	0	0	0	7	0	0	0	0	1	0	0	20	9	0	37
JUMLAH	759	6,100	2,842	8,643	7,988	2,904	2,790	2,130	3,726	4,970	2,092	6,068	3,518	15,850	70,380

Jadual 2: Jumlah pertubuhan cawangan berdaftar mengikut JPPM Negeri dan katagori sehingga 30 November 2011



Rajah 7: Peratusan keseluruhan Pertubuhan Cawangan berdaftar mengikut kategori

- a) matlamat yang bertentangan dengan keselamatan dan keamanan negara;
- b) nama pertubuhan yang tidak selaras dengan objektif penubuhan dan keahlian;
- c) matlamat penubuhan bertindih dengan peranan dan tanggungjawab agensi-agensi kerajaan;
- d) maklumat permohonan tidak lengkap dan tidak teratur;
- e) nama pertubuhan sama dengan pertubuhan yang telah didaftarkan;
- f) Perlembagaan Pertubuhan tidak mengandungi perkara-perkara yang diperuntukkan dalam Jadual 1, Akta Pertubuhan 1966.

Jabatan akan membuat pertimbangan sama ada sesebuah pertubuhan itu wajar didaftarkan ataupun tidak berdasarkan semakan dan penilaian terhadap maklumat permohonan serta ulasan Agenzi-agensi Kerajaan yang berkaitan.

1.4 Permohonan Pindaan Undang-undang

Setiap pertubuhan berdaftar adalah dibenarkan untuk membuat pindaan undang-undang ke atas Perlembagaannya sekiranya terdapat keperluan. Jenis pindaan yang dibenarkan termasuk pindaan nama, tempat urusan dan fasal-fasal tertentu dalam Perlembagaannya. Sebarang pindaan hendaklah dipersetujui dalam Mesyuarat Agung ahli-ahli kecuali pindaan tempat urusan yang boleh ditetapkan oleh Jawatankuasa dari semasa ke semasa. Setiap permohonan pindaan undang-undang hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 60 hari dari tarikh keputusan pindaan tersebut dipersetujui. Kegagalan pertubuhan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan akan menyebabkan pindaan tersebut tidak boleh dikuatkuasakan.

Sehingga 30 November 2011, Jabatan telah menerima sebanyak 4,072 permohonan pindaan undang-undang. Sebanyak 3,518 permohonan telah diluluskan, 695 permohonan adalah ditolak dan 20 permohonan lagi telah ditarik balik.

1.5 Permohonan Pelantikan Pegawai Harta dan Pegawai Awam

Sehingga 15 Disember 2011, Jabatan telah mengeluarkan sebanyak 300 perakuan pengesahan pelantikan Pegawai Harta di bawah Seksyen 9(b), Akta Pertubuhan 1966. Tiga orang Pemegang Jawatan Pertubuhan yang dilantik mengikut Perlembagaan Pertubuhan secara teratur akan diberi pengesahan sebagai Pegawai Harta. Harta tak alih bagi pertubuhan itu hendaklah didaftarkan atas nama pertubuhan dan diuruskan Pegawai Harta yang telah dilantik. Secara amnya, permohonan pengesahan perlantikan Pegawai Harta adalah meningkat setiap tahun. Walau bagaimanapun, jika dibandingkan dengan keseluruhan jumlah pertubuhan yang didaftarkan, bilangan pertubuhan yang membuat permohonan pengesahan Pegawai Harta adalah masih rendah. Setiap permohonan hendaklah dikemukakan dengan mengisi Borang Pertubuhan 29 dan disertakan dengan salinan senarai Ahli Jawatankuasa serta Minit Mesyuarat yang membincangkan mengenai perlantikan tersebut.

Berdasarkan Seksyen 9(c), Akta Pertubuhan 1966, sesebuah pertubuhan boleh mendakwa atau didakwa di atas nama Pegawai Awam yang diperakurkan oleh Jabatan. Pelantikan sebagai Pegawai Awam tidak terhad kepada Pemegang Jawatan dan boleh dilantik di kalangan ahli-ahli. Permohonan bagi perakuan pengesahan Pegawai Awam boleh dilakukan dengan mengisi Borang Pertubuhan 28 dan menyertakan salinan Minit Mesyuarat Agung di mana Pegawai Awam tersebut dilantik.

Sementara itu, dalam tempoh yang sama, Jabatan hanya menerima sebanyak 14 permohonan perakuan pengesahan Pegawai Awam. Statistik ini menunjukkan kesedaran perlantikan Pegawai Awam di kalangan pertubuhan berdaftar masih rendah. Sekiranya tiada Pegawai Awam dilantik, maka menjadi tanggungjawab kepada mana-mana Pemegang Jawatan semasa untuk mewakili pertubuhan dalam sesuatu pendakwaan.

1.6 Permohonan Lain-lain

Selain permohonan lazim yang biasa dikemukakan oleh pertubuhan berdaftar, terdapat beberapa permohonan lain mengikut peruntukan Akta Pertubuhan 1966 dan Peraturan-peraturan Pertubuhan 1984 yang diproses oleh Jabatan ini. Permohonan-permohonan tersebut diringkaskan seperti dalam Jadual 4.

Jenis Permohonan	Seksyen / Peraturan yang berkaitan	Jumlah Permohonan
1. Pengecualian Akta Dikemukakan oleh individu yang hilang kelayakan menjadi pemegang jawatan, penasihat atau pekerja di bawah Seksyen 9A(1).	9A(4)	1
2. Pengesahan Kutipan Derma* Dikemukakan oleh pertubuhan yang mempunyai peruntukan kutipan derma dalam Perlembagaannya dan dikehendaki mendapatkan kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu sebelum membuat kutipan derma.	7(1)	163
3. Kebenaran Melabur Dana** Dikemukakan oleh pertubuhan yang ingin melabur dana dalam pembelian tanah dengan jumlah tidak melebihi 50% daripada kumpulan wang yang tidak digunakan segera.	31(4)	1
4. Menaikkan Amaun Perbelanjaan Pentadbiran** Dikemukakan oleh pertubuhan yang ingin meningkatkan amaun perbelanjaan pentadbiran melebihi 40sen daripada yuran bulanan ahlinya dan 10% daripada apa-apa pendapatan lain pertubuhan itu.	31(1)	2
5. Perlantikan Juruaudit <ul style="list-style-type: none"> • Apabila Pendaftar mengeluarkan notis 14(2) yang memerintah mana-mana pertubuhan mengemukakan kira-kira yang sempurna diaudit. • Perlantikan Juruaudit untuk memeriksa kira-kira Pertubuhan Faedah Bersama secara tahunan. • Perlantikan Juruaudit untuk menyiasat hal ehwal sesuatu Pertubuhan Faedah Bersama sebelum pembubarannya. 	14(4) 26(1) 38(1)	1
6. Kebenaran Memegang Jawatan <ul style="list-style-type: none"> • Dikemukakan oleh individu yang ingin memegang jawatan di dalam pertubuhan lain setelah dilarang berbuat demikian di bawah Seksyen 49(1). • Dikemukakan oleh pertubuhan yang ingin melantik bukan warganegara sebagai Pemegang Jawatan Pertubuhan. 	49(1) 7(1)	8

*Bagi pertubuhan yang mengandungi fasal Kutipan derma sahaja

**Bagi pertubuhan Faedah Bersama sahaja

Jadual 4: Permohonan lain yang diterima pada tahun 2011

PEMANTAUAN PERTUBUHAN

PEMANTAUAN KE ATAS PERTUBUHAN


Pemantauan ke atas pertubuhan berdaftar dijalankan melalui semakan Penyata Tahunan yang dikemukakan kepada Jabatan. Selaras dengan Seksyen 14(1), Akta Pertubuhan 1966, setiap pertubuhan adalah dikehendaki menghantar maklumat atau Penyata Tahunan dalam tempoh 60 hari selepas Mesyuarat Agung Tahunannya atau sekiranya tiada pengajuran Mesyuarat Agung, 60 hari selepas berakhirnya tahun kalender.

Pertubuhan yang tidak diurus mengikut kehendak Akta Pertubuhan 1966, Peraturan-peraturan Pertubuhan 1984 serta Perlembagaan Pertubuhan masing-masing akan menerima notis tunjuk sebab sebelum pembatalan yang bertujuan sebagai langkah pembetulan atau penambahbaikan kepada ketidakakuratan yang dikenal pasti. Justeru itu, kegagalan pertubuhan memberi maklumbalas serta mengambil tindakan yang memuaskan terhadap notis-notis yang dikeluarkan boleh menyebabkan sesuatu pertubuhan itu dibatalkan.

2.1 Semakan Penyata Tahunan

Penyata Tahunan merupakan suatu penyata yang mengandungi maklumat-maklumat yang dikehendaki di bawah Seksyen 14(1), Akta Pertubuhan 1966 seperti berikut:-

- (a) Borang 9;
- (b) Senarai Pemegang Jawatan yang mengandungi maklumat seperti jawatan, nama, nombor kad pengenalan, tarikh lahir, tempat lahir, pekerjaan, nama dan alamat majikan;
- (c) Minit Mesyuarat Agung Tahunan (jika berkenaan);
- (d) Penyata Penerimaan dan Pembayaran serta Kunci Kira-Kira bagi tahun kewangan;
- (e) Maklumat mengenai sebarang harta tak alih yang dimiliki;
- (f) Senarai nama dan alamat mana-mana organisasi di luar Malaysia yang menjadi ahli gabungan;
- (g) Maklumat sebarang wang atau harta, apa-apa faedah pekuniari atau keuntungan yang diterima oleh



Rajah 13: Statistik penerimaan Penyata Tahunan Pertubuhan Induk dan Pertubuhan Cawangan mengikut JPPM Negeri

pertubuhan daripada mana-mana orang, organisasi, pihak berkuasa, Kerajaan atau Agensi di luar Malaysia; dan

(h) Pindaan kepada Undang-undang Tubuh Pertubuhan yang dibuat semenjak tarikh Penyata Tahunan yang terakhir (bagi pertubuhan induk sahaja).

Sepanjang tahun 2011, Jabatan telah menerima sebanyak 23,338 Penyata Tahunan bagi pertubuhan induk berbanding 20,661 penyata pada tahun sebelumnya. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 11.47%. Sementara itu, sebanyak 20,260 Penyata Tahunan pertubuhan cawangan telah diterima berbanding 20,025 pada tahun sebelumnya.

Rajah 13 menunjukkan jumlah penerimaan Penyata Tahunan mengikut JPPM Negeri sehingga 30 November 2011. Berdasarkan Rajah 13, JPPM Negeri Johor mencatatkan kadar penerimaan Penyata Tahunan yang paling tinggi berbanding negeri-negeri lain.


Jabatan telah mengambil inisiatif menghantar surat peringatan selaras dengan Seksyen 14(1) Akta Pertubuhan 1966 kepada pertubuhan supaya mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan mengikut Perlembagaannya dan menghantar Penyata Tahunan yang dibentangkan dalam Mesyuarat Agung tersebut. Sehingga 30 November 2011, sebanyak 18,385 surat peringatan telah dikeluarkan kepada pertubuhan induk dan sebanyak 378 surat peringatan dikeluarkan kepada pertubuhan cawangan.

Secara keseluruhan, Jabatan menerima sebanyak 43,598 Penyata Tahunan bagi tahun 2011. Ini menunjukkan hanya 36.95% daripada jumlah keseluruhan pertubuhan berdaftar melaksanakan tanggungjawab mereka kepada Jabatan sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta Pertubuhan 1966 setelah ia di daftarkan. Kegagalan memberi maklumat ini boleh menyebabkan sesuatu pertubuhan dibatalkan di bawah Seksyen 13, Akta Pertubuhan 1966.


2.2 Notis dan Perintah Sebelum Pembatalan

Bagi pertubuhan yang gagal menghantar Penyata Tahunan dalam tempoh dua tahun atau kurang, Jabatan akan menghantar kenyataan sebelum pembatalan di bawah Seksyen 14(2) ke atas pertubuhan tersebut supaya mengemukakan Penyata Tahunan dalam tempoh 30 hari. Sehingga 30 November 2011, sebanyak 599 notis di bawah Seksyen 14(2) telah dikeluarkan kepada pertubuhan induk dan sebanyak 896 lagi notis telah dikeluarkan kepada pertubuhan cawangan.

Sekiranya pertubuhan tersebut masih gagal mengemukakan Penyata Tahunan dalam tempoh 30 hari, Jabatan akan mengeluarkan perintah di bawah Seksyen 14(5), di mana pertubuhan tersebut adalah dibubarkan sementara sehingga ia mengemu-



Rajah 14: Perbandingan pengeluaran Notis di bawah Seksyen 14(2) dan Surat Perintah di bawah Seksyen 14(5) bagi Pertubuhan Induk



Rajah 15: Perbandingan pengeluaran Notis di bawah Seksyen 14(2) dan Surat Perintah di bawah Seksyen 14(5) bagi Pertubuhan Cawangan

kakan Penyata Tahunan seperti yang dikehendaki oleh notis di bawah Seksyen 14(2).

Sebanyak 555 perintah Pembubaran Sementara telah dikeluarkan kepada pertubuhan induk dan sebanyak 83 perintah telah dikeluarkan kepada pertubuhan cawangan sehingga 30 November 2011. Rajah 14 dan Rajah 15 menunjukkan jumlah notis di bawah Seksyen 14(2) dan jumlah perintah di bawah Seksyen 14(5) yang dikeluarkan oleh JPPM Negeri masing-masing kepada pertubuhan induk dan pertubuhan cawangan.

Sementara itu, bagi pertubuhan yang gagal menghantar Penyata Tahunan tiga tahun berturut-turut, Jabatan akan mengeluarkan kenyataan sebelum pembatalan di bawah Seksyen 13(2) atas sebab tidak wujud lagi. Pertubuhan yang menerima notis tersebut diberi tempoh selama 30 hari untuk memberi maklum balas dan kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pendaftarannya dibatalkan di bawah Seksyen 13(1)(c)(v). Perbandingan jumlah kenyataan sebelum pembatalan atas sebab tidak wujud lagi bagi pertubuhan induk dan cawangan ditunjukkan dalam Rajah 16. Sehingga 30 November 2011, sebanyak 1,384 dan 197 notis kenyataan sebelum pembatalan telah dikeluarkan masing-masing kepada pertubuhan induk dan cawangan.

2.3 Pembatalan Pertubuhan

Sesebuah pertubuhan itu boleh dibatalkan pendaftarannya apabila berada dalam keadaan berikut:

- Pertubuhan yang dibubarkan oleh ahli-ahlinya di bawah Seksyen 13(1)(a). Sesebuah pertubuhan itu boleh memohon untuk dibubarkan secara sukarela di atas persetujuan tidak kurang daripada tiga perlima daripada ahli-ahli yang hadir di dalam Mesyuarat Agung yang dipanggil khas kerananya. Sehingga 30 November 2011, sebanyak 19 pertubuhan induk dan 1 pertubuhan cawangan telah membuat permohonan pembubaran secara sukarela.
- Pertubuhan yang didapati bertentangan dengan keselamatan negara, ketenteraan awam atau akhlak negera dan perintah yang dibuat oleh Menteri mengikut Seksyen 5 seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 13(1)(b).
- Pertubuhan yang didaftarkan dengan unsur-unsur penipuan di bawah Seksyen 13(1)(c)(i). Sehingga 30 November 2011, sebanyak 2 pertubuhan induk telah dibatalkan kerana didapati terdapat unsur-unsur penipuan apabila didaftarkan.
- Pertubuhan yang digunakan bagi maksud-maksud yang menyalahi undang-undang atau bagi maksud yang bertentangan dengan ke-

- e) manan, kebijakan, ketenteraman atau akhlak di bawah Seksyen 13(1)(c)(ii). Pertubuhan yang didapati telah berusaha untuk mencapai tujuan-tujuan lain daripada tujuan-tujuan ia didaftarkan di bawah Seksyen 13(1)(c)(iii).
- f) Pertubuhan yang didapati sengaja melanggar Akta Pertubuhan 1966, Peraturan-peraturan Pertubuhan 1984 atau Undang-undang Tubuh atau melanggar Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948, di bawah Seksyen 13(1)(c)(iv).
- Sehingga 30 November 2011, didapati terdapat 37 pertubuhan induk dan 7 pertubuhan cawangan dibatalkan di bawah Seksyen 13(1)(c)(iv). Pemegang jawatan bagi pertubuhan yang dibatalkan di bawah seksyen ini adalah terikat dengan Seksyen 49 Akta yang sama.
- Pertubuhan yang tidak wujud lagi di bawah Seksyen 13(1)(c)(v).
- Pertubuhan yang gagal memberi maklum balas terhadap notis kenyataan sebelum pembatalan Seksyen 13(2) atas sebab tidak wujud lagi. Sebanyak 717 pertubuhan induk dan 107 pertubuhan cawangan telah dibatalkan sehingga 30 November 2011.
- Pertubuhan yang telah gagal mematuhi perintah meminda Undang-undang Tubuh Pertubuhan seperti yang dikehendaki oleh Pendaftar Pertubuhan mengikut

Seksyen 13A, seperti yang disebutkan di bawah Seksyen 13(1)(c)(vi).

Pertubuhan yang gagal mematuhi Perlembagaan Persekutuan mengikut Seksyen 2A seperti yang disebutkan di bawah Seksyen 13(1)(c)(vii).

Terdapat 2 pertubuhan induk telah dibatalkan di bawah seksyen 13(1)(c)(vii) sehingga 30 November 2011 kerana gagal mengikuti dan mematuhi Perlembagaan Persekutuan.


Pertubuhan yang menggunakan upacara triad mengikut Seksyen 52 seperti yang disebutkan di bawah Seksyen 13(1)(c)(viii).

Pertubuhan yang menghadapi pertikaian di kalangan ahli-ahli atau Pemegang Jawatan dan gagal mematuhi notis di bawah Seksyen 16(1) seperti yang disebutkan di bawah Seksyen 13(1)(c)(ix).

Akibat pertikaian dalaman yang berlaku, satu pertubuhan induk telah dibatalkan di bawah seksyen ini sehingga 30 November 2011.

Pertubuhan yang gagal mengemukakan Penyata Tahunan seperti yang disebutkan di bawah Seksyen 13(1)(d).

Pertubuhan yang gagal mematuhi perintah di bawah Seksyen 14(5) akan dibatalkan pendaftarannya di bawah Seksyen 13(1)(d). Sebanyak 682 pertubuhan induk dan 188 pertubuhan cawangan telah dibatalkan di bawah Seksyen ini sehingga 30 November 2011.



Rajah 16: Perbandingan jumlah kenyataan sebelum pembatalan di bawah Seksyen 13(2) atas sebab tidak wujud lagi bagi pertubuhan induk dan cawangan

2.4 Rayuan oleh Pertubuhan

Seksyen 18, Akta Pertubuhan 1966, memperuntukkan bahawa sesebuah pertubuhan boleh mengemukakan rayuan kepada YB Menteri Dalam Negeri di atas keputusan pembatalan atau penolakan pendaftaran yang telah dibuat oleh Pendaftar Pertubuhan.

Sehingga 15 Disember 2011, sebanyak 205 permohonan rayuan telah diterima daripada pertubuhan-pertubuhan yang telah dibatalkan atau ditolak pendaftarannya. Daripada jumlah ini, sebanyak 98 rayuan telah diluluskan, 29 rayuan lagi adalah ditolak, 35 rayuan diluluskan dengan bersyarat dan selebihnya masih dalam pertimbangan.

Di antara alasan-alasan yang dikemukakan semasa membuat permohonan rayuan adalah seperti berikut:

- Ahli Jawatankuasa pertubuhan masih aktif dan berminat untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pertubuhan.
- Pertubuhan bersifat sukarela dan aktif menjalankan aktiviti kebijakan.
- Pertubuhan berusaha untuk membaiki kelemahan pentadbiran dan akan mematuhi Perlembagaan Pertubuhan dan Akta Pertubuhan 1966.
- Pertubuhan berjanji untuk mengemukakan segala dokumen yang dikehendaki oleh Jabatan dan akan mematuhi segala peraturan dan peruntukan yang berkuatkuasa.
- Pertubuhan memohon supaya diberi peluang untuk memperbaiki keadaan dan hendak meneruskan aktiviti yang telah dirancang oleh pertubuhan.
- Pentadbiran pertubuhan terjejas disebabkan kegagalan Ahli Jawatankuasa terdahulu mematuhi Perlembagaan Pertubuhan dan Akta Pertubuhan 1966.

PENGUATKUASAAN KE ATAS PERTUBUHAN

PENGUATKUASAAN KE ATAS PERTUBUHAN

Bagi memastikan pengurusan pertubuhan dan pelaksanaan program/aktiviti pertubuhan adalah selaras dengan Dasar-dasar Negara khususnya Akta Pertubuhan 1966 dan Perlembagaan Pertubuhan, Jabatan menjalankan aktiviti pemeriksaan, siasatan ke atas aduan, risikan dan pendakwaan. Aktiviti ini dijalankan oleh Pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang berkhidmat di Jabatan dengan kerjasama Cawangan Penguatuasaan JPPM Negeri.

3.1 Pemeriksaan Ke Atas Pertubuhan Berdaftar

Terdapat dua kaedah pemeriksaan yang dilakukan iaitu pemeriksaan bernotis dan pemeriksaan tanpa notis (Mengejut).

Pemeriksaan bernotis dilakukan ke atas pertubuhan yang baru didaftarkan, pertubuhan bermasalah dan aduan yang diterima mengenai sesuatu kesalahan yang telah dilakukan oleh pihak pertubuhan.

Dalam operasi pemeriksaan ini, pegawai-pegawai penguatuasa akan memastikan alamat semasa pertubuhan adalah sama seperti alamat yang didaftarkan pada Sijil Pendaftaran Pertubuhan, aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah selari dengan objektif penubuhannya dan lain-lain dokumen berkaitan pertubuhan. Pemeriksaan bernotis dilakukan berdasarkan kuasa yang diberi di bawah Seksyen 63, Akta Pertubuhan 1966.

Pemeriksaan tanpa notis (Mengejut) dilakukan berdasarkan kuasa di bawah Seksyen 64 Akta Pertubuhan 1966. Pemeriksaan akan dibuat secara rambang dan berdasarkan aduan awam yang diterima.

Fokus utama pemeriksaan tanpa notis adalah ke atas pertubuhan-pertubuhan yang baru didaftarkan, pertubuhan-pertubuhan yang telah diberi surat amaran, pertubuhan bermasalah, pertubuhan yang dikenalpasti tidak wujud lagi dan aduan-aduan yang diterima. Pemeriksaan ini dilakukan bertujuan untuk memastikan pertubuhan-pertubuhan berdaftar bergerak berlandaskan Perlembagaannya dan tidak melanggar undang-undang berkaitan.

Sepanjang tahun 2011, sebanyak 270 pemeriksaan bernotis dan 50 pemeriksaan tanpa notis telah dilakukan ke atas pertubuhan berdaftar di seluruh negera. Aktiviti pemeriksaan bernotis dan tanpa notis ini telah dipergiat dan menjadi fokus Jabatan dalam memantau pergerakan pertubuhan.

Berdasarkan kepada kedua-dua strategi pemeriksaan tersebut, Jabatan mendapati kebanyakan pertubuhan berdaftar yang diperiksa masih lemah dalam pengurusan kewangan dan mesyuarat serta kurang memahami peranan dan tanggungjawab sebagai pemegang-pemegang jawatan utama pertubuhan.

Hasil daripada kedua-dua kaedah pemeriksaan yang dilakukan, Jabatan telah mengeluarkan sebanyak 320 notis kepada pertubuhan berdaftar kerana perlanggaran Akta Pertubuhan 1966 dan Perlembagaan Pertubuhan. Sebanyak 1,843 pertubuhan lagi telah diberi khidmat nasihat supaya menguruskan pertubuhan dengan baik dan teratur. Jadual 5 menunjukkan pecahan notis-notis yang dikeluarkan oleh Jabatan di atas perlanggaran yang dilakukan oleh pertubuhan.

3.2 Siasatan Ke Atas Aduan

Aktiviti siasatan dijalankan berdasarkan aduan yang diterima terhadap sesuatu pertubuhan samada ia telah melanggar peruntukan-peruntukan di bawah Akta Pertubuhan 1966 atau Perlembagaan berdaftarnya.

Jika hasil daripada siasatan yang dilakukan didapati pemegang-pemegang jawatan pertubuhan telah melanggar Akta Pertubuhan 1966, Jabatan akan memperakukan kepada Timbalan Pendakwa Raya Negeri berkenaan untuk tindakan pendakwaan di mahkamah.

Bagi kesalahan melanggar perkara-perkara di dalam Perlembagaan Pertubuhan, Jabatan akan mengeluarkan notis kenyataan di bawah Seksyen 13(2) yang boleh menyebabkan sesebuah pertubuhan itu dibatalkan. Sesebuah pertubuhan yang telah diberi notis kenyataan di bawah Seksyen 13(2) ini perlu memberi maklumbalas kepada Jabatan dalam tempoh 30 hari.

JENIS NOTIS	JUMLAH
Seksyen 13(2) Akta Pertubuhan 1966 (Notis tunjuk sebab sebelum pertubuhan dibatalkan)	135
Seksyen 14(2) Akta Pertubuhan 1966 (Gagal mengemukakan maklumat yang dikehendaki oleh Pendaftar)	80
Seksyen 14(5) Akta Pertubuhan 1966 (Gagal memenuhi kehendak notis Seksyen 14(2))	105
Seksyen 16(1) Akta Pertubuhan 1966 (Wujud dua Jawatankuasa dalam Pertubuhan)	0
Jumlah	320

Jadual 5: Pecahan notis yang dikeluarkan berdasarkan pemeriksaan bernotis dan tanpa notis

Sepanjang tahun 2011, Jabatan telah menerima sejumlah 441 kes aduan berkaitan kelemahan pengurusan dan pentadbiran pertubuhan berdaftar. Kebanyakan aduan yang diterima adalah melibatkan pertubuhan-pertubuhan daripada kategori Agama, Kebajikan Masyarakat, Am dan Perdagangan. Jadual 6 menunjukkan jumlah aduan yang diterima mengikut JPPM Negeri dan kategori. Sebahagian besar aduan yang diterima adalah menyentuh mengenai perkara-perkara berikut:

- i) tidak mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan;
- ii) lewat mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan;
- iii) gagal mengemukakan maklumat yang dikehendaki oleh Pendaftar Pertubuhan seperti senarai ahli pertubuhan yang berdaftar, minit mesyuarat pertubuhan, Penyata Tahunan dan lain-lain; dan jawatankuasa membuat keputusan tanpa terlebih dahulu membentangkannya dalam Mesyuarat Agung Pertubuhan.

Berdasarkan hasil siasatan yang dilakukan, sebanyak 131 kes telah diberi notis samada di bawah Seksyen 13(2), 14(2), 14(5) atau 16(1) Akta Pertubuhan 1966. Rajah 17 menunjukkan perincian notis-notis yang telah dikeluarkan oleh Jabatan. Daripada keseluruhan aduan yang diterima, sejumlah 54 kes adalah aduan tidak berasas. Sebanyak 9 kes aduan yang disiasat telah diberi teguran/khidmat nasihat supaya menguruskan pertubuhan dengan teratur dan sebanyak 100 kes telah selesai. Sementara itu, sebanyak 147 kes lagi masih dalam siasatan Jabatan.

Secara keseluruhan, jumlah aduan yang diterima dari tahun 2007 hingga 2011 ditunjukkan seperti dalam Rajah 18.

Negeri	Kategori	Politik	JUMLAH					
			Am	1	2	3	4	5
Ibu Pejabat				17	20	89		
Sabah				1	2	1	1	7
Sarawak				-	2	1	1	7
Johor				-	2	11	4	10
Terengganu				-	1	1	-	6
Kelantan				-	1	-	-	6
Pahang				-	1	-	1	19
Melaka				-	1	1	-	19
Negeri Sembilan				-	1	1	-	114
WP Kuala Lumpur				-	1	1	-	78
Selangor				-	1	1	-	78
Perak				-	1	1	-	64
Pulau Pinang				-	1	1	-	24
Kedah				-	1	1	-	17
Perlis				-	1	1	-	8
Kebajikan Masyarakat				-	1	1	-	1
Kebudayaan				-	1	1	-	-
Agama				-	1	1	-	-
Wanita				-	1	1	-	-
Perdagangan				-	1	1	-	-
Sosial Dan Rekreasi				-	1	1	-	-
Pekerjaan				-	1	1	-	-
Sukan				-	1	1	-	-
Pendidikan				-	1	1	-	-
Faedah Bersama				-	1	1	-	-
Lain-Lain				-	1	1	-	-
JUMLAH	3	11	26	87	62	41	22	15
							97	441

Jadual 6: Jumlah aduan yang diterima mengikut JPPM Negeri dan kategori

3.3 Pendakwaan

Pendakwaan perlu dilakukan bagi menguatkuasakan sepenuhnya Akta Pertubuhan 1966 dan memberi pengajaran kepada pemegang-pemegang jawatan utama pertubuhan supaya tidak melanggar undang-undang yang telah ditetapkan.

Sepanjang tahun 2011, tiada sebarang kes pendakwaan dibuka.

3.4 Risikan

Aktiviti risikan merupakan salah satu strategi Jabatan untuk mengesan pertubuhan-pertubuhan tidak berdaftar yang menjalankan aktiviti dan mana-mana pertubuhan berdaftar yang didapati menjalankan aktiviti yang tidak selaras dengan objektif penubuhannya. Jabatan akan sentiasa memastikan pengurusan pertubuhan yang cekap dan profesional dalam konteks siasatan dan pendakwaan. Melalui aktiviti risikan, Jabatan dapat mengawal pergerakan pertubuhan dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

PROGRAM PEMANTAPAN PERTUBUHAN

PROGRAM PEMANTAPAN PERTUBUHAN

Bagi memperkasakan kepimpinan pengurusan pertubuhan, Jabatan telah melaksanakan pelbagai program bagi membantu meningkatkan kefahaman Pemegang Jawatan Utama Pertubuhan menjalankan tanggungjawab masing-masing. Pendekatan program-program ini disesuaikan dengan kumpulan sasaran seperti pertubuhan baru, kategori pertubuhan, pertubuhan bermasalah dan sebagainya.

4.1 Taklimat dan Kursus Pengurusan Pertubuhan

Taklimat dan Kursus Pengurusan Pertubuhan diadakan bertujuan untuk memberi penerangan kepada setiap pemegang-pemegang jawatan utama pertubuhan yang terdiri daripada Pengurus, Timbalan Pengurus, Setiausaha dan Bendahari dalam ses sebuah pertubuhan mengenai tanggungjawab dan peranan mereka setelah pertubuhan itu didaftarkan. Selain itu, program ini diadakan untuk membantu setiap pemegang jawatan pertubuhan memahami dan mengekalkan kualiti pengurusan pertubuhan yang dikendalikannya. Dalam program yang sama, Jabatan juga mengadakan sesi latih amal, kajian kes serta dialog yang didapati telah meningkatkan pemahaman pemegang jawatan pertubuhan terhadap pengurusan pertubuhan. Antara modul-modul yang disampaikan semasa program berlangsung adalah:

- i) Asas Pengurusan Pertubuhan;
- ii) Tugas dan Tanggungjawab Pemegang Jawatan Utama;
- iii) Penyediaan Penyata Tahunan;
- iv) Pemantauan dan Penguatkuasaan;
- v) Integriti Dalam Berpesatuan; dan
- vi) Pembiayaan/Penggubahan Wang Haram/Sumber

4.2 JPPM Bersama Pelanggan

Program JPPM Bersama Pelanggan merupakan aktiviti Jabatan sepanjang tahun dan dianjurkan oleh JPPM Negeri. Program ini bukan sahaja memberi pendedahan dan panduan kepada orang awam yang berminal untuk menubuhkan persatuan malahan memberi kemudahan kepada pertubuhan-pertubuhan yang berdaftar untuk berbincang dan mengemukakan masalah secara terus kepada pegawai-pegawai Jabatan mengenai pertubuhan masing-masing. Bagi menjayakan program ini, Jabatan telah memilih lokasi dan daerah yang sesuai serta mengambil beberapa langkah tertentu memaklumkan semua pertubuhan berdaftar dan orang ramai di daerah berkenaan melalui media massa dan elektronik. Sambutan orang awam dan pertubuhan khususnya amatlah menggalakkan.

Sepanjang tahun 2011, Kursus Pengurusan Pertubuhan dan Program JPPM Bersama Pelanggan telah dianjurkan oleh JPPM Negeri seperti dalam Jadual 8.

Negeri	Tempat	Tarikh	Bilangan Pertubuhan Yang Hadir	Bilangan Peserta
Perlis	1) Dewan Besar, Kg Kubang Perun, Chuping 2) Bilik Gerakan Negeri, Tingkat 1, Blok B, Bangunan Dato Mahmud Mat, Kangar 3) Hotel Seri Malaysia, Kangar 4) Dewan Seminar, Perbadanan Perpustakaan Negeri Perlis 5) Dewan Syarahan, Perbadanan Perpustakaan Negeri Perlis 6) Bilik Mesyuarat JPPM Perlis	07/03/2011 07/06/2011 08/09/2011 20/09/2011 22/11/2011 3,13,14 & 15/12/2011	50 50 50 50 50 50	150 150 100 150 120 130
Kedah	1) Kompleks KDN Anak Bukit 2) Wisma Persekutuan 3) JPPM Kedah 4) Kompleks Sukan Perahu Layar Kebangsaan, Langkawi 5) INTURA Kuala Muda 6) Klinik Kesihatan Taman Selasih, Kulim	Sepanjang tahun 08/09/2011 10/07/2011 09/10/2011 03/11/2011 20/11/2011	Surau-surau 38 1 25 30 30	51 14 45 45 48
Perak	1) New Club Taiping 2) Batang Padang, Chinese Club, Tapah 3) Dewan banquet, Kompleks KDN, Bandar meru Raya, Ipoh 4) Kelab Lower, Perak 5) Dewan persatuan Sukan China Chin Woo, Ipoh 6) Dewan Persatuan Kutien, Manjung	09/04/2011 11/06/2011 09/07/2011 17/09/2011 30/10/2011 30/12/2011	44 32 19 35 26 30	133 84 72 84 73 80
Pulau Pinang	1) Penang Golf Resort, Bertam, Kepala Batas 2) Penang Golf Resort Bertam Kepala Batas, Seberang Perai Utara 3) Safira Country Club, Seberang Jaya 4) Jerejak Rainforest Resort, Pulau Jerejak 5) Hotel Seri Malaysia, Bayan Baru	09/02/2011 19/07/2011 30/09/2011 10/12/2011 25/11/2011	15 20 12 30 15	60 40 30 50 40

Negeri	Tempat	Tarikh	Bilangan Pertubuhan Yang Hadir	Bilangan Peserta
Melaka	1) Kompleks JAPERUN Bachang, Melaka	23/01/2011	10	16
	2) Merlimau Point	25/01/2011	11	22
	3) Kompleks JAPERUN Masjid Tanah	1-5/03/2011	100	345
	4) Malacca Club Rotunda	12/04/2011	17	30
	5) Kompleks JAPERUN Masjid Tanah	29/04/2011	14	34
	6) Kompleks KDN	31/05/2011	14	36
	7) Kompleks JAPERUN Masjid Tanah	09/06/2011	50	110
	8) Kompleks KDN	19/07/2011	10	24
	9) Kompleks JAPERUN Masjid Tanah	14&26/07/2011	100	600
	10) Kompleks JAPERUN Bachang, Melaka	23/08/2011	50	75
	11) Kompleks KDN	29/09/2011	100	240
	12) Kompleks JAPERUN Masjid Tanah	27/09/2011	50	250
	13) Kompleks KDN	24/11/2011	20	200
	14) Taman Permai, Kuala Linggi, Masjid Tanah	18-20/11/2011	20	150
Johor	1) Dewan Serbaguna Chamek, Kluang	02/07/2011	45	90
	2) Padang Awam, Tmn Sri Lambak, Kluang	18/09/2011	500	1500
	3) Dewan Serbaguna, Segamat	28/05/2011	20	40
	4) Tapak Padang Kawad, Kompleks KDN Johor	06/05/2011	28	56
	5) Dataran Majlis Daerah Labis, Segamat	26/01/2011	41	82
	6) Kompleks KDN Johor	26/11/, 25/06/,24/09/ & 09/04/2011	34	68
Kelantan	1) Hotel New Pacific KB	03/05/2011	30	150
	2) Royal Guest House Kota Bharu	08/08/2011	30	150
	3) Sek Ren Islam Aman, KB	24/09/2011	10	100
	4) Hotel New Pacific KB	28/11/2011	25	90
	5) Dewan Permai, Hospital Pasir Mas, Kelantan	19/12/2011	10	80

Negeri	Tempat	Tarikh	Bilangan Pertubuhan Yang Hadir	Bilangan Peserta
Terengganu	1) Hotel tanjung Vista, terengganu	17/03/2011	51	70
	2) Dewan Teater Perpustakaan Awam Negeri Terengganu	07/06/2011	15	35
	3) SIRIM Chendering	06/10/2011	100	211
	4) Tapak Pekan Budaya Kelulut, Marang	13-19/05/2011	15	200
	5) Balairaya Kg Teluk Ketapang, Seberang Takir, Kuala Terengganu	21/06/2011	25	38
	6) Bilik Mesyuarat Pejabat Tanah & Daerah, Besut	13/07/2011	25	43
	7) Bilik Mesyuarat Pejabat Tanah & Daerah, Dungun	28/07/2011	22	42
	8) Bilik Mesyuarat Pejabat Tanah & Daerah, Kemaman	19/09/2011	25	75
	9) Bilik Mesyuarat Pejabat Tanah & Daerah, Hulu Terengganu	20/11/2011	21	52
	10) Bilik Mesyuarat Pejabat Daerah Setiu	28/11/2011	13	20
	11) Masjid Kristal, Pulau Wan Man	17/03/2011	Rakyat	100
Pahang	12) Pejabat Gerakan Parti GERAKAN/DAP/UMNO/MCA/MIC/	15-17/08/2011	Rakyat	100
	13) Dewan As-Syifa, Markas Tarbiah PAS, Kuala Terengganu	17/12/2011	PAS	150
	1) Kuantan	25-27/01/2011	70	57
	2) Rompin	14/02/2011	10	13
	3) Temerloh	30-31/03/2011	23	50
	4) Kuantan	21/04/2011	40	180
	5) Beserah	23/07/2011	-	15
	6) Pulau Tioman	27/07/2011	-	145
	7) Pekan	24/07/2011	34	150
	8) Bera	29/09/2011	7	20
	9) Bentong	01/11/2011	11	20
40	10) Raub	10/11/2011	20	16
	11) Temerloh	19/12/2011	67	130

Negeri	Tempat	Tarikh	Bilangan Pertubuhan Yang Hadir	Bilangan Peserta	Negeri	Tempat	Tarikh	Bilangan Pertubuhan Yang Hadir	Bilangan Peserta
Terengganu	1) Hotel tanjung Vista, terengganu	17/03/2011	51	70	Sabah	1) Promenade Hotel, Kota Kinabalu	29/03/2011	56	156
	2) Dewan Teater Perpustakaan Awam Negeri Terengganu	07/06/2011	15	35		2)Maktab Kerjsama Malaysia, Caw. Sabah	24/05/2011	16	41
	3)SIRIM Chendering	06/10/2011	100	211		3)Hotel Sandakan, Sandakan	21/06/2011	16	36
	4) Tapak Pekan Budaya Kelulut, Marang	13-19/05/2011	15	200		4)Hotel Juta Keningau	21/06/2011	16	42
	5)Balairaya Kg Teluk Ketapang, Seberang Takir, Kuala Terengganu	21/06/2011	25	38		5)Hotel Marco Polo, Tawau	16/07/2011	24	63
	6) Bilik Mesyuarat Pejabat Tanah & Daerah, Besut	13/07/2011	25	43		6)Dewan MAKSAK	27/09/2011	21	51
	7) Bilik Mesyuarat Pejabat Tanah & Daerah, Dungun	28/07/2011	22	42		7)Asia Hotel, Lahad Datu	12/11/2011	19	49
	8) Bilik Mesyuarat Pejabat Tanah & Daerah, Kemaman	19/09/2011	25	75	Sarawak	1)Betong	22/01/2011	45	271
	9) Bilik Mesyuarat Pejabat Tanah & Daerah, Hulu Terengganu	20/11/2011	21	52		2)Sri Aman	12/02/2011	48	300
	10)Bilik Mesyuarat Pejabat Daerah Setiu	28/11/2011	13	20		3)Mukah	19/02/2011	69	240
	11)Masjid Kristal, Pulau Wan Man	17/03/2011	Rakyat	100		4)Bintulu	14/01/2011	88	230
	12)Pejabat Gerakan Parti GERAKAN/DAP/UMNO/MCA/MIC/	15-17/08/2011	Rakyat	100		5)Sarikei	25/03/2011	54	220
	13)Dewan As-Syifa, Markas Tarbiah PAS, Kuala Terengganu	17/12/2011	PAS	150		6)Samarahan	09/04/2011	47	225
						7)Bintulu	15-16/01/2011	-	150
						8)Mukah	19-20/02/2011	-	136
						9)Sarikei	26-27/03/2011	-	123
						10)Miri	11/04/2011	20	470
Pahang	1)Kuantan	25-27/01/2011	70	57		11)Sibu	13/04/2011	20	470
	2)Rompin	14/02/2011	10	13		12)Bintulu	07/05/2011	6	300
	3)Temerloh	30-31/03/2011	23	50		13)Miri	08/05/2011	5	1000
	4)Kuantan	21/04/2011	40	180		14)Persatuan Disleksia Sarawak	22/07/2011	1	30
	5)Beserah	23/07/2011	-	15		15)Kuching	28/07/2011	Pemegang jawatan utama dalam parti	20
	6)Pulau Tioman	27/07/2011	-	145					
	7)Pekan	24/07/2011	34	150					
	8)Bera	29/09/2011	7	20					
	9)Bentong	01/11/2011	11	20					
	10)Raub	10/11/2011	20	16					
	11)Temerloh	19/12/2011	67	130					

Jadual 8: Kursus Pengurusan Pertubuhan dan Program JPPM Bersama Pelanggan anjuran pejabat JPPM Negeri

KURSUS, BENGKEL DAN TAKLIMAT ANJURAN JPPM NEGERI-NEGERI TAHUN 2011



Bengkel Penutupan Kewangan oleh JPPM Perlis



Kursus Audit dan Pemeriksa Kira-Kira Pertubuhan Anjuran JPPM Perlis



(b) Kursus Pengurusan Pertubuhan Anjuran JPPM Perlis



3. (a) Kursus Pengurusan Pertubuhan Anjuran JPPM Perlis





(c) Anugerah Pemimpin Berkualiti



4. (a) Kursus Pengurusan Pertubuhan di Klang, Selangor Anjuran JPPM Selangor



(b) Kursus Pertubuhan di Puchong, Selangor Anjuran JPPM Selangor



5. (a) Kursus Pertubuhan Anjuran JPPM Negeri Sembilan Bil.1 di Bangunan Yayasan Negeri Sembilan, Seremban 2





(d) Kursus Pertubuhan Anjuran JPPM Negeri Sembilan Bil.4



(e) Kursus Pertubuhan Anjuran JPPM Negeri Sembilan Bil.5



6. (a) Taklimat Amalan Berkualiti 5S/QE Anjuran JPPM Terengganu



7. Taklimat Pertubuhan di Kota Kinabalu, Sabah Anjuran JPPM Sabah





8. Taklimat Pertubuhan di Kuala Muda, Kedah, Anjuran JPPM Kedah



9. (a) Taklimat Pertubuhan di Larut, Matang, Perak Anjuran JPPM Perak



(b) Taklimat Pertubuhan di Batang Padang, Perak



10. Kursus Pengurusan Pertubuhan Berkualiti Dengan Kerjasama Lembaga Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia anjuran JPPM Negeri Kelantan



Pemeriksaan kesihatan percuma disediakan oleh kakitangan Hospital Pasir Mas.



Pemeriksaan kesihatan percuma disediakan oleh kakitangan Hospital Pasir Mas.



Perasmian kursusoleh Dr.Mohd Salleh Bin Mat Jusoh

TRANSFORMASI JPPM

Dato' Dr. Yahya Bin Baba, CEO Lembaga Promosi Kesihatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia.



LAPORAN TRANSFORMASI KAUNTER SANTAI JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA (JPPM)

1.0 GAMBAR KAUNTER SANTAI JPPM

1.1 Gambar Kaunter Santai JPPM Wilayah Persekutuan



SELAMAT DATANG
KE
JABATAN PENDAFTARAN
PERTUBUHAN MALAYSIA
NEGERI KEDAH



1.2 Gambar Kaunter Santai JPPM Negeri Kedah

1.3 Gambar Kaunter Santai JPPM Negeri Pulau Pinang



1.4 Gambar Kaunter Santai JPPM Negeri Perak



1.5 Gambar Kaunter Santai JPPM Negeri Sembilan





1.6 Gambar Kaunter Santai JPPM Negeri Melaka



1.9 Gambar Kaunter Santai JPPM Negeri Terengganu



1.7 Gambar Kaunter Santai JPPM Negeri Johor



1.10 Gambar Kaunter Santai JPPM Negeri Sabah



1.8 Gambar Kaunter Santai JPPM Negeri Pahang



1.11 Gambar Kaunter Santai JPPM Negeri Sarawak

LAPORAN AKTIVITI KEMASYARAKATAN DAN KEBAJIKAN JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA (JPPM)



1.12 Gambar Kaunter Santai JPPM Negeri Perlis



1.13 Gambar Kaunter Santai JPPM Negeri Kelantan



1.14 Gambar Kaunter JPPM Negeri Selangor

1.0 GAMBAR AKTIVITI JPPM

1.1 Program AnakAngkat JPPM Ibu Pejabat; Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan, Bangi.



1.2 Program Anak Angkat JPPM Negeri Kedah; Sumbangan Kain Telekung dan Kain Pelikat serta Pembersihan Telekung Surau Bangunan KDN, Bandar Muadzam Shah, Alor Setar, Kedah.



1.3 Program AnakAngkat JPPM Negeri Kelantan; SekolahRendah Islam (SRI) Ar-Rahman, Kota Bharu, Kelantan



1.4 Program AnakAngkat JPPM Pulau Pinang; RumahWargaEmas, DarulHanan, Pulau Pinang



1.5 Program AnakAngkat JPPM Wilayah Persekutuan; RumahAnak-AnakYatim An-Najjah, Kuala Lumpur



LAPORAN OUTREACH JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA (JPPM) TAHUN 2011



1.7 Program AnakAngkat JPPM Sarawak; Persatuan Disleksia, Kuching, Sarawak



1.0 PENGENALAN

- 1.1 JPPM bertanggungjawab memproses permohonan pendaftaran pertubuhan, permohonan kebenaran bergerak sementara, permohonan penubuhan cawangan, permohonan pindaan undang-undang, permohonan pengesahan pegawai harta dan pegawai awam, permohonan rayuan kepada Menteri Dalam Negeri serta permohonan khas untuk pertubuhan faedah bersama.
- 1.2 JPPM akan senantiasa memastikan semua pertubuhan NGO yang didaftarkan tidak mengganggu-gugat kestabilan politik, ekonomi, sosial dan tidak menjelaskan ketenteraman awam. Sebaliknya terlibat secara aktif dalam menyokong usaha-usaha kerajaan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan.
- 1.3 Sejak dengan transformasi JPPM, Program Outreach seperti Sesi Dialog, Taklimat dan Majlis Ramah Mesra Bersama Pertubuhan telah diadakan di semua negeri.
- 1.4 Ibu pejabat JPPM telah mengadakan program outreach bersama pertubuhan iaitu Majlis Dialog Y.Bhg Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN) Bersama Pertubuhan pada 22 Jun 2011, bertempat di Dewan Gemilang, Kementerian Dalam Negeri, Blok D1, Kompleks D, Putrajaya.

3.0 GAMBAR AKTIVITI JPPM

- 3.1 Aktiviti Outreach JPPM Ibu Pejabat; Majlis Dialog KSU KDN Bersama Pertubuhan





3.2 Aktiviti JPPM Negeri Selangor; Majlis Dialog dan Ramah Mesra KP JPPM Bersama Pertubuhan di ALPHA dan Kelab Tasik, Putrajaya



3.3Aktiviti JPPM Negeri Kedah; Majlis Dialog KP JPPM BersamaPertubuhan di AlorSetar, Kedah



3.4Aktiviti JPPM Negeri Pulau Pinang; Majlis Dialog KP JPPM BersamaPertubuhan di Safira Club, Seberang Perai, Pulau Jerejak dan Hotel Seri Malaysia, Seberang Jaya, Pulau Pinang



3.5 Aktiviti JPPM Negeri Perak; Sesi Dialog dan Program Sehari KP JPPM Bersama Pertubuhan di Kinta, Larut dan Batang Padang, Perak.



3.6 Aktiviti JPPM Negeri Sembilan; Majlis Dialog dan Majlis Berbuka Puasa KP JPPM Bersama Pertubuhan di Seremban, Negeri Sembilan



3.7 Aktiviti JPPM Negeri Pahang; Majlis Dialog dan Ramah Mesra KP JPPM BersamaPemimpin-Pemimpin Pertubuhan di PekandanBera, Pahang




3.8 Aktiviti JPPM Negeri Terengganu; Majlis Dialog KP JPPM BersamaPertubuhan di Kuala Terengganu, Terengganu



3.9 Aktiviti JPPM Negeri Sabah; Sesi Dialog dan Taklimat Pertubuhan KP JPPM Bersama Pertubuhan di Kota Kinabalu, Lahad Datu dan Labuan, Sabah





3.10 Aktiviti JPPM Negeri Sarawak ;Sesi Dialog KP JPPM Bersama Pertubuhan di Bintulu, Miridan Kuching, Sarawak



3.11 Aktiviti JPPM Negeri Perlis; Majlis Dialog KP JPPM Bersama Pertubuhan di Perlis





3.12 Aktiviti JPPM Negeri Kelantan; Majlis Ramah Mesra KP JPPM Bersama Pertubuhan di Kota Bharu, Kelantan



3.13 Aktiviti JPPM Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ; Majlis Ramah Mesra KP JPPM Bersama Pertubuhan di Wilayah Persekutuan, KL



3.14 Aktiviti JPPM Negeri Melaka; Sepetang KP JPPM Bersama Pemimpin Pertubuhan NGO di Melaka.





MAKLUMBALAS PERTUBUHAN SEMPENA MAJLIS DIALOG BERSAMA PERTUBUHAN SEPANJANG 2011

BIL	SOALAN	PERSATUAN	JAWAPAN	MAKLUMBALAS
1.	Persatuan ini telah diwujudkan pada tahun 1936, iaitu sebelum merdeka. Walaupun persatuan ini telah lama didaftarkan, persatuan masih menghadapi masalah yang sama untuk meminda perlembagaan persatuan mesti cukup bilangan 2/3 ahli dalam Mesyuarat Agung.	Persatuan Khairatul Ikhlas kematian Seberang Takir, Kuala Terengganu	Y.Bhg. Dato' Ketua Pengarah menjelaskan bahawa keperluan untuk meletakkan bilangan korum bagi Mesyuarat Agung adalah tertakuk kepada keperluan perlembagaan pertubuhan itu sendiri.	Pertubuhan bersetuju tentang penjelasan yang diberikan KP JPPM dan sekiranya perlu, pertubuhan akan membuat pindaan perlembagaan pertubuhan.
2.	Pertikaihan persatuan berkenaan dengan Jawatankuasa baru dan sama ada persatuan boleh memanggil EGM untuk pemilihan ahli jawatankuasa semula.	Persatuan Lembaga SRB Cina Bersatu Miri	Y.Bhg. Dato' Ketua Pengarah menegaskan bahawa jika aduan sampai ke JPPM, maka Jabatan akan membuat siasatan dan jika ada perlenggaran Perlembagaan, JPPM akan mengeluarkan surat tunjuk sebab dan boleh menyebabkan pertubuhan dibatalkan.	Persatuan memahami dan akur dengan jawapan yang diberikan oleh KP JPPM selaras dengan kehendak Akta Pertubuhan 1966.

BIL	SOALAN	PERSATUAN	JAWAPAN	MAKLUMBALAS
3.	Bagaimanakah caranya untuk pemegang jawatan/AJK yang baru dipilih mendapatkan dokumen pertubuhan yang berada dalam simpanan AJK/pemegang jawatan lama yang telah tewas dan masih menyimpan dokumen-dokumen pertubuhan?	Persatuan Kebajikan Yong Nga-Khi Sabah	Y.Bhg. Dato' menjelaskan bahawa perkara tersebut adalah urusan pertubuhan itu sendiri. Tetapi, beliau juga bersetuju dengan cadangan Dr. Lily Wong (Persatuan Thalasssemia Sabah) di mana JPPM boleh membantu dalam situasi seperti ini antaranya menghubungi pihak yang memegang dokumen tersebut dan meminta mereka menyerahkan dokumen kepada AJK yang baru. Y.Bhg. Dato' juga memaklumkan walaupun JPPM boleh membantu, keputusan untuk menyerahkan dokumen tersebut masih terletak kepada individu terbabit.	Pertubuhan akan berusaha untuk mendapatkan semula dokumen-dokumen pertubuhan yang berada di bawah jagaan AJK/pemegang jawatan terdahulu.
4.	Bolehkah seseorang bukan warganegara menjadi ahli yang mengundi dan pemegang jawatan dalam sesuatu Pertubuhan?	Persatuan Talassemia Sabah	Y.Bhg. Dato' menjelaskan seseorang yang bukan warganegara Malaysia boleh menubuahkan pertubuhan tetapi sesama bukan warganegara sahaja. Walau bagaimanapun, Y.Bhg. Dato' telah memanjangkan perkara ini kepada Kementerian Dalam Negeri untuk dipertimbangkan agar seseorang pemastautin tetap boleh menyertai sesuatu pertubuhan.	Persatuan sedang menunggu keputusan dasar daripada pihak KDN berhubung status pemastautin tetap samada boleh menyertai pertubuhan atau sebagainya.

BIL	SOALAN	PERSATUAN	JAWAPAN	MAKLUMBALAS
5.	Majlis Kebajikan Pelajaran Besut Terengganu mempunyai keahlian seramai 800 orang yang majoritinya terdiri daripada ahli seumur hidup. Kebanyakkan ahli adalah tidak aktif dan tidak dapat dikesan menyebabkan rekod keahlian tidak dapat dikemaskini. Beliau memohon penjelasan, apakah yang perlu dilakukan oleh persatuan untuk menyelesaikan masalah ini.	Majlis Kebajikan Pelajaran Besut Terengganu	Y.Bhg. Dato' Ketua Pengarah JPPM menjelaskan bahawa dalam hal ini, pertubuhan boleh meminda perlembagaan dan memasukkan sekatan dalam fasal yang berkenaan seperti mana contoh berikut :- "Ahli yang gagal menghadiri mesyuarat agung selama tiga (3) kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah berhenti dari ahli pertubuhan"	Majlis kebajikan berterima kasih kepada KP JPPM kerana telah memberikan jalan penyelesaian terhadap kemelut yang berlaku di dalam persatuan.
6.	Masalah umur yang ditetapkan menyebabkan kesukaran menjadi ahli Pertubuhan Faedah Bersama.	PPK Usahajaya Kubang Sepat Kawasan E-11 MADA	Pendaftar Pertubuhan Malaysia bersetuju untuk mengecualikan hal ini namun pertubuhan perlu membuat permohonan terlebih dahulu.	Persatuan bersetuju dan mengambil maklum.

BIL	SOALAN	PERSATUAN	JAWAPAN	MAKLUMBALAS
7.	Bolehkah Mesyuarat Agung Tahunan tidak dibuat pada tahun tiada perlantikan ahli Jawatankuasa pertubuhan?	Persatuan Sukan Cina Chin Woo, Ipoh	Tidak boleh. Mesyuarat Agung Tahunan mesti dibuat setiap tahun walaupun tiada perlantikan ahli Jawatankuasa.	Persatuan semakin jelas dengan isu Mesyuarat Agung Tahunan.
8.	Pada masa kini terdapat pelbagai pertubuhan yang membantu kerajaan dari segi perubatan, sosial dan sebagainya. Pertubuhan memohon JPPM menyampaikan maklumat kepada pihak kerajaan supaya dapat memberi bantuan kewangan kepada pihak pertubuhan bagi melancarkan matlamat pertubuhan.	Dewan Perhimpunan Cina, Perak	Dari segi bantuan, pihak JPPM telah mengambil inisiatif dengan membuat pengiktirafan di mana dengan memberi saguhati berupa wang kepada pertubuhan yang cemerlang dan aktif. Salah satu cadangan yang boleh diberi oleh pihak kami kepada pertubuhan adalah dengan menganjurkan kutipan derma contohnya menjual barang terpakai dan sebagainya.	Dewan berharap agar kerajaan dapat memberikan bantuan kewangan dengan mengambilkira sumbangsan dewan kepada kerajaan.
9.	Meminta JPPM menyelaraskan format Minit Mesyuarat dan bertanyakan adakah agenda hal-hal berbangkit perlu dimasukkan di dalam agenda Mesyuarat Agung.	Persatuan Guru-guru Sekolah Pendidikan Islam, SPI/KAFA Negeri Kedah	Satu pekeliling akan dikeluarkan mengenai arahan penghantaran maklumat yang perlu dikemukakan ke JPPM. Antara perkara yang perlu dikemukakan ialah : <ul style="list-style-type: none"> a) Laporan di dalam Bahasa Melayu b) Ringkasan ucapan Pengurus/YDP c) tarikh, masa dan tempat mesyuarat diadakan d) Bilangan kehadiran (korum) e) laporan kewangan dan tahunan f) Keputusan pemilihan ahli Jawatankuasa g) Apa-apa pindaan/resolusi yang diputuskan seperti perlantikan Juruaudit dan pegawai harta/pegawai awam. 	Persatuan akan mengambil maklum akan agenda yang perlu dimasukkan semasa penyediaan Minit Mesyuarat Agung akan datang.

BIL	SOALAN	PERSATUAN	JAWAPAN	MAKLUMBALAS
10.	Pertubuhan memohon untuk terlibat dalam operasi bersama Jabatan/ Agensi Kerajaan. Walaubagaimanapun, permohonan tersebut seringkali ditolak.	Pertubuhan Kebajikan Dan Dakwah Islamiah Malaysia (PEKIDA) cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Pertubuhan boleh mendapatkan surat sokongan daripada JPPM sebagai pengesahan sebuah pertubuhan yang sah dan aktif berdaftar. Surat tersebut boleh digunakan untuk memohon kebenaran menjalankan operasi bersama Jabatan/Agensi kerajaan yang lain.	Pertubuhan berterima kasih kerana diberi peluang untuk berkhidmat dengan kerajaan.
11.	Meminta supaya JPPM atau mana-mana jabatan dan agensi menyalurkan bantuan dalam bentuk geran kepada persatuan untuk menjalankan aktiviti dan menggalakkan lebih ramai golongan muda menyertai persatuan.	Dewan perniagaan Dan Perindustrian China Terengganu	Y.Bhg. Dato' Ketua Pengarah memaklumkan bahawa JPPM sedang dalam proses merangka untuk mengiktiraf pertubuhan yang telah lama berdaftar dan bergiat aktif sekurang-kurangnya 10 tahun ke atas, tidak mempunyai sebarang rekod aduan, berjaya menguruskan pertubuhan dengan baik serta beberapa kriteria tambahan yang difikirkan sesuai, untuk diberi bantuan geran sebanyak RM 10 000.00 bagi setiap pertubuhan kepada 10 pertubuhan cemerlang di setiap negeri.	Dewan akan bergerak mlebih aktif dengan memastikan segala aktiviti yang dirancang, akan berjalan dengan lancar dan merancang pelbagai program yang boleh menarik minat golongan muda menyertai persatuan.

BIL	SOALAN	PERSATUAN	JAWAPAN	MAKLUMBALAS
12.	Pertubuhan juga melahirkan rasa terkilan kerana kekangan sumber kewangan menyebabkan pertubuhan tidak dapat menjalankan aktiviti yang dirancang dengan sebaiknya.	Persatuan HOPSIS Melaka	Y.Bhg. Dato' Ketua Pengarah telah menyatakan dengan jelas bahawa JPPM tidak mempunyai peruntukan dan geran untuk diagihkan kepada pertubuhan. Bagaimanapun, JPPM sedang berusaha untuk menyediakan dana khusus bagi mengiktiraf pertubuhan-pertubuhan yang layak berdasarkan kategori yang akan dipertimbangkan.	Pertubuhan akan berusaha untuk bergerak aktif sepanjang masa dengan melaksanakan pelbagai aktiviti dan program.
13.	Bolehkah sesuatu pertubuhan mengubah nama menjadi sesebuah parti politik?	Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (UISA)	Sesuatu pertubuhan bukan politik tidak boleh menjadi sebuah parti politik. Sesuatu pertubuhan boleh melaksanakan aktiviti politik sekiranya telah didaftarkan sebagai sebuah parti politik.	Pertubuhan ambil maklum.
14.	Bilakah permohonan pindaan undang-undang pertubuhan perlu dimajukan untuk kelulusan dan bila ia boleh dilaksanakan?	Pertubuhan Ibu Dan Bapa Tunggal Daerah Pekan, Pahang	Pindaan undang-undang perlu dikemukakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh Mesyuarat Agung dan boleh dilaksanakan dari tarikh diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia. Untuk memastikan sesuatu permohonan itu diproses dengan cepat, pertubuhan hendaklah memastikan segala dokumen yang dikemukakan itu lengkap mengikut kehendak Jabatan.	Pertubuhan sedang merancang untuk memohon pindaan undang-undang selepas Mesyuarat Agung tahun berikutnya.

BIL	SOALAN	PERSATUAN	JAWAPAN	MAKLUMBALAS
15.	Bagaimanakah cara sesuatu pertubuhan yang didaftarkan di peringkat Kota Kinabalu mengembangkan sayapnya ke daerah-daerah lain?	Persatuan Penjaja Bumiputera Pantai Barat Sabah	<p>Y.Bhg. Dato' PPM menjelaskan sesuatu pertubuhan itu hendaklah meneliti semula perlombagaannya sama ada ada peruntukan atau tujuan yang memberarkan pertubuhan tersebut untuk menubhukan cawangan. Jika tiada, pertubuhan boleh mengadakan Mesyuarat Agung dan meluluskan pindaan bagi memasukkan apa-apa peruntukan bagi membolehkan pertubuhan menubhukan cawangan. Setelah itu, pertubuhan hendaklah membuat permohonan pindaan undang-undang ke JPPM. Beliau juga menasihatkan pemegang jawatan supaya membaca perlombagaan masing-masing dan jangan membuat "assumption" terhadap apa yang terkandung di dalam perlombagaan. Beliau juga menasihatkan kepada mana-mana pemegang jawatan yang kalah dalam pemilihan, hendaklah berundur dengan cara yang baik. Kebajikan ahli mestilah dipertahankan dan bukan kebajikan pemegang jawatan. Ini kerana ahli-ahli yang memiliki para pemegang jawatan. 3 perkara yang akan membawa masalah dan juga akan menurunkan seseorang pemegang jawatan itu ialah 3 "TA" iaitu HARTA, WANITA dan TAKHTA.</p>	Persatuan mengambil maklum dan berterima kasih kepada KP JPPM di atas penjelasan yang diberikan.
16.	Bagaimana kedudukan pemegang amanah dan bagaimakah harta tidak boleh dialih pertubuhan boleh didaftarkan atas nama pertubuhan?	Melaka	<p>Kedudukan pemegang amanah adalah masih berkuatkuasa seperti yang didaftarkan oleh pertubuhan dan mereka akan memegang jawatan selama yang dikehendaki oleh pertubuhan untuk mentadbirkan harta tetap (harta tidak boleh alih) pertubuhan melalui suatu Surat Amanah (Deed Of Trust). Namun demikian, sekiranya pertubuhan ingin mendaftarkan harta tidak boleh alih terus atas nama pertubuhan, maka peruntukkan di dalam undang-undang berdaftar pertubuhan bagi Fasal perlantikan "PENGAMANAH" hendaklah dipinda kepada "PEGAWAI HARTA/HARTA TIDAK BOLEH ALIH" di mana 3 orang pemegang jawatan pertubuhan boleh dilantik dan perlantikan mereka akan disahkan oleh suatu perakuan daripada Pendaftar Pertubuhan di bawah Seksyen 9(b) Akta Pertubuhan 1966. Segala transaksi, sama ada pembelian atau penjualan harta tidak boleh alih hendaklah diuruskan oleh ketiga-tiga Pegawai Harta yang dilantik itu.</p>	Pertubuhan akan memohon pindaan perlombagaan pertubuhan untuk mengubah fasal pelantikan mengenai pemegang harta.

BIL	SOALAN	PERSATUAN	JAWAPAN	MAKLUMBALAS
17.	Berkaitan kelulusan pendaftaran pertubuhan pengaruh yang ditolak oleh JPPM Melaka.	Persatuan Ann Keoy Melaka	Bagi perkara ini, Y.Bhg. Dato' Ketua Pengaruh telah memutuskan supaya semua pendaftaran bagi pertubuhan kategori ini diluluskan memandangkan keperluan Jabatan adalah untuk mendaftarkan ahli pertubuhan tersebut. Isu berkaitan tanah dan fizikal bangunan adalah di luar bidang kuasa Jabatan.	Persatuan mengambil maklum.
18.	Membangkitkan isu yang sering dihadapi oleh persatuan semasa pengauditon dijalankan oleh beliau iaitu persatuan gagal mengemukakan Pernyata Tahunan, tarikh mesyuarat diadakan yang tidak mematuhi fasal di dalam perlembagaan, pertubuhan korum yang tidak mencukupi, pertukaran alamat tidak dimaklumkan kepada ahli dan JPPM dan ahli bertukar ganti tidak dimaklumkan. Dengan itu wakil persatuan mengesyorkan supaya kursus-kursus pengurusan pertubuhan kerap diadakan. Beliau seterusnya mencadangkan supaya cawangan pejabat JPPM dibuka di Bintulu memandangkan persatuan terpaksa berurusan di JPPM Miri.	Persatuan Foochow Bintulu	Y.Bhg. Dato' bersetuju jabatan menganjurkan kursus pengurusan pertubuhan khas untuk ahli pertubuhan spesifik dan besar di premis pertubuhan berkenaan. Y.Bhg. Dato' juga bersetuju melaksanakan pejabat berbentuk 'service centre' sebualan sekali di Bintulu jika keperluan mendesak. Walaubagaimanapun, Y.Bhg. Dato' Ketua Pengaruh memaklumkan bahawa jabatan sedang berusaha menyediakan perkhidmatan secara <i>online</i> pada masa akan datang. Oleh itu, masih belum ada keperluan membuka cawangan di Bintulu.	Persatuan menyambut baik inisiatif JPPM untuk menyediakan perkhidmatan secara <i>online</i> di masa akan datang untuk memudahkan persatuan-persatuan yang berada di luar Miri berurusan dengan JPPM Sarawak.
19.	Pertubuhan juga menyatakan hasrat supaya program-program sebegini dilaksanakan selalu bagi membantu pertubuhan memahami hak-hak dan tanggungjawab mereka di dalam pertubuhan. Selain itu, pertubuhan juga memohon supaya JPPM Melaka meningkatkan kecekapan dalam berurusan dengan pelanggan	PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN KAMPUNG NYALAS JASIN MELAKA	Y.Bhg. Dato' Ketua Pengaruh telah memaklumkan bahawa JPPM sedang dalam usaha untuk meningkatkan perkhidmatan kepada pelanggan. Antara pembaharuhan yang telah dilaksanakan ialah konsep kelulusan 5 hari bagi pertubuhan baru. Y.Bhg. Dato' juga telah mengarahkan supaya JPPM Melaka dapat melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian untuk persatuan. Y.Bhg. Dato' menggesa seluruh warga JPPM untuk komited melaksanakan segala arahan yang telah diputuskan dengan segera. Perkara ini perlu dipandang serius kerana melibatkan keyakinan pelanggan kepada Jabatan.	Persatuan amat berpuasati dengan respon yang diberikan oleh KP JPPM.
20	Adakah perlembagaan pertubuhan boleh digunakan untuk mengambil tindakan pada mana-mana ahli yang melanggar aktiviti penguatkuasaan.	Persatuan Tuan Empunya Dan Pemandu-Pemandu Kereta Sewa Langkawi	Perlembagaan pertubuhan adalah hak keperluan. Sekiranya terdapat keperluan untuk membuat pindaan, maka perlu ada keputusan bersama sebelum pindaan dilakukan. Pertubuhan perlu pastikan setiap perlembagaan yang ingin dilakukan benar-benar tepat dan tidak boleh dicabar.	Persatuan akan membuat permohon pindaan perlembagaan pertubuhan untuk memasukkan fasal mengenai perlenggaran aktiviti penguatkuasaan.

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Sumber Manusia atau modal insan merupakan pemangkin kepada pembangunan dan kemajuan sesebuah organisasi. Justeru itu, Jabatan sentiasa memastikan semua warganya mendapat latihan secara menyeluruh dan bersesuaian dengan tugas-tugas harian supaya mutu penyampaian perkhidmatan yang diberikan adalah yang terbaik dan memenuhi kehendak semasa pelanggan.

6.1 Perjawatan dan Penempatan

Struktur perjawatan Jabatan terbahagi kepada dua, iaitu perjawatan di peringkat Ibu Pejabat dan peringkat Negeri. Jawatan tertinggi di peringkat Ibu Pejabat adalah Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) JUSA C dengan gelaran Ketua Pengarah/Pendaftar Pertubuhan Malaysia serta dibantu oleh seorang PTD Gred M54 dengan gelaran Timbalan Ketua Pengarah/Timbalan Pendaftar Pertubuhan Malaysia.

Pejabat JPPM Negeri pula diketuai oleh seorang Pengarah daripada skim Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) Gred M48 kecuali bagi Negeri Sembilan, Melaka dan Perlis yang diketuai oleh Pengarah Gred M44.

Jumlah perjawatan Jabatan adalah sebanyak 272. Daripada jumlah ini, 1 perjawatan adalah daripada Pengurusan Tertinggi, 24 perjawatan adalah daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional, manakala 247 perjawatan lagi adalah daripada Kumpulan Sokongan. Kedudukan perjawatan dan pengisian bagi semua kumpulan sehingga 31 Disember 2011 adalah seperti di Jadual 9.

Pada tahun 2011, Jabatan telah menerima kesmasukan seramai 30 orang pegawai baru. Seramai 5 orang pegawai telah mengisi kekosongan di Ibu Pejabat, manakala 25 orang lagi mengisi jawatan di negeri-negeri. Dalam tempoh yang sama, seramai 22 orang pegawai telah bertukar ke Jabatan/Agensi lain, 6 orang pegawai telah bersara wajib.

6.2 Latihan dan Kursus

Selaras dengan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Perancangan Strategik Jabatan 2008-2012 untuk meningkatkan pembangunan modal insan di Jabatan, latihan kepada pegawai Jabatan dilaksanakan secara Latihan Dalaman dan Latihan Luaran. Latihan Luaran yang diterima oleh warga Jabatan adalah anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Dalam Negeri, Bank Negara Malaysia dan Institusi Latihan Agensi Kerajaan seperti Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Secara keseluruhannya, seramai 230 daripada 256 pegawai atau 88% berjaya mencapai sasaran tujuh hari berkursus pada tahun 2010. Pencapaian 88% sasaran tujuh hari berkursus secara sekata setiap tahun menunjukkan keperluan latihan dan pendedahan berterusan adalah perlu bagi meningkat kualiti kerja dan mutu penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

Latihan yang diberikan kepada pegawai Jabatan adalah berkaitan dengan tugas yang diamanahkan dan meliputi keseluruhan fungsi dan peranan Jabatan. Tiada rekod pegawai tidak menghadiri sebarang kursus dicatatkan sepanjang tahun 2010.

Jadual 10 menunjukkan senarai kursus/bengkel dalaman yang dianjurkan oleh Jabatan sepanjang tahun 2011. Se mentara itu, Jadual 11 pula menunjukkan kursus-kursus anjuran agensi luar yang telah dihadiri oleh pegawai Jabatan.

6.3 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2010

Seramai 22 orang pegawai Jabatan telah terpilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2011 kerana menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang sepanjang tahun 2010. Penerima-penerima Anugerah adalah terdiri daripada 4 pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional, 17 orang pegawai Kumpulan Sokongan I dan 1 orang pegawai Kumpulan Sokongan II. Seramai 10 orang pegawai lagi telah terpilih untuk menerima Sijil Kepujian Perkhidmatan Cemerlang dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2011 yang diadakan pada 24 Mac 2011 di Hotel Grand Continental Kuantan, Pahang.

KUMPULAN	BIL.	JAWATAN	GRED	BIL.	JAWATAN	BIL.	JAWATAN TELAH DIISI	BIL.	JAWATAN MASIH KOSONG
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	1.	JUSA C	VU7	1	1		0		
	2.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M54	1	1		0		
	3.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M48	13	13		0		
	4.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M44	6	6		0		
	5.	Pegawai Sistem Maklumat	F44	1	1		0		
	6.	Pegawai Penguasa Polis	YA16	1	1		0		
	7.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M41	2	2		0		
KUMPULAN SOKONGAN	1.	Penolong Pegawai Tadbir	N36	15	14		1		
	2.	Penolong Pegawai Tadbir	N32	28	27		1		
	3.	Penolong Akauntan	W32	1	1		0		
	4.	Penolong Pegawai Sistem Maklumat	F29	3	3		0		
	5.	Penolong Pegawai Tadbir	N27	39	34		5		
	6.	Ketua Inspektor	YA14	2	1		1		
	7.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N26	1	1		0		
	8.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N22	3	3		0		
	9.	Pembantu Tadbir (Kesetiausaha)	N28/32	1	1		0		
	10.	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W22	1	1		0		
	11.	Pegawai Khidmat Pelanggan	N17	1	1		0		
	12.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N17	100	96		4		
	13.	Pembantu Tadbir (Kesetiausaha)	N17	6	6		0		
	14.	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W17	4	4		0		
	15.	Pembantu Tadbir Rendah	N11	1	1		0		
	16.	Sarjan	YA6	1	1		0		
	17.	Lans Koperal/Konstabel	YA2/ YA1	3	3		0		
	18.	Pembantu Am Rendah	N4	1	1		0		
	19.	Pembantu Am Rendah	N1	20	20		0		
	20.	Pemandu Kenderaan Bermotor	R3	16	16		0		
JUMLAH				272	260		12		

Jadual 10: Kedudukan perjawatan dan pengisian sehingga 31 Disember 2011

BIL.	KURSUS	TARIKH	BIL. PESERTA
1.	Kursus Pemantapan Etika dan Pemanduan Berhemah	16-18/1/2011 - Institut Koreksional Melaka	37 orang
2.	Kursus Kecergasan dan Team Building	17-19/2/2011 - Felda Residence Tekam, Pahang	35 orang
3.	Kursus Pengurusan Aset Alih Kerajaan dan Tatacara Pengurusan Stor	5-8/4/2011 - Cherengin Hill Convention & Spa Resort, Janda Baik Pahang	39 orang
4.	Bengkel Penyediaan Skop dan Proses Kerja Bagi Pembangunan Sistem JPPM	27-29/4/2011 - Everly Hotel, Melaka	38 orang
5.	Kursus Pemahaman Akta Pertubuhan 1966 dan Peraturan-Peraturan Pertubuhan 1984	22-24/6/2011 - Cherengin Hill Convention & SPA Resort	40 orang
6.	Bengkel Migrasi ROSES	11-13/11/2011 - Residen Hotel, Bangi	19 orang
7.	Kursus Pengurusan Aset Alih Kerajaan dan Tatacara Pengurusan Stor	29-1/12/2011 - StarCity Hotel, Alor Setar, Kedah	40 orang
8.	Bengkel Pembetulan Dokumen Kualiti Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008	14-18/8/2011 - Hotel Royale Bintang, Kuala Lumpur	10 orang
	Bengkel Pembetulan Dokumen Kualiti Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008	21-25/8/2011 - Hotel Mega, Miri Sarawak	7 orang
9.	Mesyuarat Semakan Semula Audit Dalam JPPM	13-15/6/2011 - Hotel Tower Regency Ipoh, Perak	37 orang
10.	Kursus Juruaudit Dalaman Sistem Pengurusan Kualit Siri 2 dan Mesyuarat Pembukaan Audit	10-13/5/2011 - Hotel Grand Bluewave, Shah Alam, Selangor	37 orang
11.	Kursus Juruaudit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti	7-9/2/2011 - Hotel Heritage, Cameron Highlands, Pahang	32 orang
12.	Kursus Pemantapan Nilai-Nilai Murni dan Teambuilding	30-31/12/2011 - Marina Cove Resort, Teluk Batik Lumut Perak	273 orang

Jadual 10: Kursus/Bengkel dalaman anjuran Jabatan

BIL.	KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	TARIKH	BIL PESERTA	PENGANJUR
1.	<i>Regional working group Meeting of Preventing Abuse of the Non profit Sector for the Purpose of Terorist Financing</i>	22-24/3/2011	1	KDN
2.	Seminar sistem Outcome Based Budgeting (OBB)	15/7/2011	1	KDN
3.	Annual meeting and Technical Assistance Forum	18-22/7/2011	1	KDN
4.	Bengkel MIDAS	13/9/2011	1	KDN
5.	Bengkel Sistem Outcome Based Budgeting (OBB) (Terma dan Konsep)	7-9/10/2011	1	KDN
6.	Bengkel Sistem Pengurusan Akauntabiliti dan Integriti (SPAII) Sektor Awam Siri 1/2011	4-7/5/2011	1	KDN
7.	Kursus Pengurusan Tatatertib	22-25/6/2011	2	KDN
8.	Bengkel Penyediaan Spesifikasi Dan Laporan Penilaian Teknikal Bagi Agensi-Agenzi Di bawah KDN	29/5-1/6/2011	1	KDN
9.	Kursus Penyampaian Perkhidmatan Berkesan	10-12/10/2011	1	INTAN
10.	Bengkel Integrated Sistem pemantauan Aduan Awam (ISPAIA) Bagi Pengurusan Aduan	30/5/2011	1	KDN
11.	Kursus Penyeliaan Berkesan	20-22/6/2011	1	JPA
12.	Seminar Transformasi Perolehan Kerajaan melalui Kerajaan Elektronik	1/7/2011	1	Kementerian Kewangan
13.	Bengkel Sistem Pengurusan Aset (SPA)	25/1/2011	1	Kementerian Kewangan
14.	Taklimat penggunaan Modul eBidding melalui Sistem ePerolehan	31/5/2011	1	Kementerian Kewangan
15.	Bengkel Pengurusan Pembayaran di Bawah Ap 59	26-29/5/2011	1	KDN
16.	Bengkel Pengurusan Perkhidmatan	20-23/7/2011	2	KDN
17.	Bengkel Pengurusan ABT dan Hapuskira	2-5/6/2011	1	KDN
18.	Bengkel Sub Modul Saran Kew.8	6/2/2011	3	KDN
19.	Bengkel ePerolehan Bagi Modul Sebutharga Tender dan eBidding utk Agensi-Agenzi Di Bawah KDN	21-23/3/2011	1	KDN
20.	Bengkel Pemeriksaan Panjar Wang Runcit	3/24/2011	1	KDN
21.	Bengkel Penyediaan Daftar dan Pelarasan Pendahuluan Diri	24-29/4/2011	1	KDN
22.	Bengkel Pengurusan Gaji	6-8/5/2011	1	KDN
23.	Kursus ESPKB	13-15/7/2011	1	KDN



Jadual 11: Kursus Luaran yang dihadiri oleh Pegawai Jabatan

KHIDMAT PENGURUSAN JABATAN

KHIDMAT PENGURUSAN JABATAN

Bagi merangka, merancang dan menambahbaik mutu penyampaian perkhidmatan sedia ada, Jabatan menyediakan platform untuk membincangkan segala isu dan masalah yang timbul semasa menjalankan tugas dengan mengadakan mesyuarat-mesyuarat utama Jabatan mengikut jadual yang ditetapkan. Selain itu, Jabatan juga memastikan dan menyelaras semua program dan aktiviti Jabatan dilaksanakan berdasarkan Takwim yang dirancang.

7.1 Mesyuarat-mesyuarat Utama Jabatan

i) Mesyuarat Pengurusan Jabatan

Mesyuarat Pengurusan Jabatan diadakan di Ibu Pejabat dan semua Pejabat Negeri secara bulanan. Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk membincangkan hal-hal pengurusan pejabat termasuk pemantauan pelaksanaan program-program Jabatan, pengurusan kewangan dan akaun serta hal-hal keselamatan pejabat. Mesyuarat juga turut membincangkan isu-isu berkaitan pertubuhan yang merupakan aktiviti utama Jabatan.

ii) Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ)

Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) diadakan sebanyak empat kali setahun selaras dengan kehendak Surat Pekeling Perkhidmatan Bil 3 Tahun 2002 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Mesyuarat ini merupakan saluran dua hala di antara pihak pekerja dengan majikan di dalam menyelesaikan masalah perkhidmatan dan kebijakan pihak pekerja. Ianya juga merupakan landasan untuk menyuarakan pendapat, cadangan/pandangan serta menyumbang idea-idea baru bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan Jabatan.

iii) Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Akaun

Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Akaun diadakan sebanyak tiga kali pada tahun semasa. Mesyuarat bilangan ke empat diadakan pada tahun berikutnya selepas penutupan kira-kira dan akaun Jabatan pada 31 Disember setiap tahun untuk membentangkan prestasi dan perbelanjaan keseluruhan Jabatan. Mesyuarat ini

diadakan secara berkala untuk memantau Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan, menilai prestasi pengurusan kewangan dan akaun, memperbaiki teguran audit dan melaksanakan arahan-arahan semasa Kerajaan berkaitan pengurusan kewangan.

iv) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan diadakan bertujuan untuk memastikan pengurusan aset Jabatan dilaksanakan secara sistematis, holistik dan strategik. Mesyuarat ini diadakan sebanyak empat kali setahun untuk membentangkan kedudukan terkini aset dan inventori Jabatan. Mesyuarat juga membincangkan laporan hasil pemeriksaan aset, tindakan pelupusan dan tindakan surc妖/tataterib.

v) Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU)

Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus ditubuhkan bagi menggabungkan terma rujukan, amalan terbaik dan usaha-usaha yang sebelum ini dilaksanakan melalui Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP), Jawatankuasa Tadbir Urus (JTU), dan Pasukan Petugas Menangani Karenah Birokrasi (PPMKB). Mesyuarat ini diadakan sebanyak tiga kali setahun untuk memastikan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan adalah berlandaskan kepada pentadbiran berintegriti, tadbir urus terbaik dan tiada karenah birokrasi. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab memastikan pentadbiran Kerajaan adalah terhindar daripada gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Tujuh terma JK TU yang dibincangkan adalah seperti berikut:

- a) Dasar dan Perundangan;
- b) Sistem dan Prosedur Kerja;
- c) Nilai-nilai Murni dan Kod Etika;
- d) Pengurusan Pelanggan;
- e) Kawalan Dalaman;
- f) Tindakan Pengesanan, Punitif dan Pemulihan; dan
- g) Pengiktirafan dan Penghargaan
- vi) Mesyuarat Pengarah-Pengarah

Mesyuarat Pengarah-Pengarah diadakan secara berkala setiap 3 bulan bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan pelaksanaan dasar Jabatan dan perkara-perkara berbangkit hasil pelaksanaan dasar tersebut. Dalam mesyuarat yang sama, ketua-ketua bahagian dan pengarah-pengarah negeri akan membincangkan perkara-perkara baru berdasarkan kertas kerja yang dibentang untuk keputusan dasar dan pelaksanaan.

vii) Mesyuarat Pegawai-pegawai Pendaftaran

Mesyuarat Pegawai-pegawai Pendaftaran diadakan sebanyak dua kali setahun bertujuan untuk membincangkan isu/masalah yang dihadapi oleh pegawai-pegawai pendaftaran semasa memproses permohonan daripada pertubuhan. Dalam mesyuarat yang sama, pegawai pendaftaran akan membentangkan kertas kerja untuk menambahbaik proses kerja sedia ada dan mengemukakan cadangan-cadangan baru untuk disesuaikan dengan keperluan semasa pelanggan. Kertas kerja yang telah dibentang seterusnya akan dibawa dalam Mesyuarat Pengarah-pengarah untuk keputusan dasar.

7.2 Perhimpunan Bulanan Jabatan

Perhimpunan Bulanan diadakan bertujuan untuk mengumpulkan pegawai-pegawai Jabatan bagi mendengar amanat Pendaftar Pertubuhan dan mendapat maklumat terkini mengenai berita semasa, program-program Jabatan serta hal ehwal pertukaran atau kemasukan pegawai. Antara pengisian lain program Perhimpunan Bulanan adalah ikrar aku janji pegawai yang baru melapor diri ke Jabatan, penyampaian Sijil Kepujian Perkhidmatan kepada pegawai yang menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang dan program ceramah daripada penceramah jemputan meliputi tajuk-tajuk tertentu seperti Arahan Keselamatan, Integriti Memperkasa Budaya Kerja Cemerlang, Skim Simpanan dan Kesihatan Berkelompok serta taklimat 1Malaysia.

7.3 Hari Inovasi JPPM

Sambutan Hari Inovasi Perkhidmatan Awam ditetapkan pada 31 Oktober setiap tahun bagi menandakan kepentingan budaya inovasi dalam mendokong agenda transforma-

si sektor awam. Pembudayaan Inovasi menggalakkan pelbagai cetusan idea-idea kreatif serta inovatif dalam mana-mana aspek kerja bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti Jabatan. Hasil Inovasi boleh merangkumi apa-apa sahaja perubahan kepada sistem, prosedur, kaedah atau cara bekerja.

Bagi meningkatkan kualiti sistem penyampaian dan perkhidmatan serta menggalakkan pembudayaan Inovasi di kalangan semua pegawai, Jabatan telah menganjurkan pertandingan Anugerah Inovasi dan Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK). Pemenang bagi setiap Anugerah seterusnya akan diperakuan untuk mewakili Jabatan ke pertandingan di peringkat Kementerian Dalam Negeri.

Pertandingan Anugerah Inovasi dilaksanakan bagi memberi pengiktirafan kepada hasil Inovasi yang diperkenalkan dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif secara berterusan dalam Perkhidmatan Awam.

Sehubungan itu, penilaian Anugerah Inovasi ke pejabat JPPM Negeri yang mengambil bahagian telah dijalankan mulai 21 hingga 29 Oktober 2011 dan ditunjukkan seperti dalam Jadual 12 di bawah.

Kriteria pemarkahan yang dilaksanakan adalah berdasarkan kriteria pemarkahan Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam yang disediakan oleh Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Pejabat JPPM Negeri yang memenangi Anugerah Inovasi bagi tahun 2011 ditunjukkan seperti dalam Jadual 13 di bawah.

Sementara itu, Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) diwujudkan bagi menghalusi cadangan/idea baru untuk menyelesaikan permasalahan dalam proses kerja sedia dan seterusnya mengerakkan pelaksanaan Inovasi. Pada tahun 2011, Pertandingan Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) telah diadakan di Hotel De Palma, Ampang, Selangor mulai 26 hingga 28 Jun 2011. Jadual 14 menunjukkan penyertaan Kumpulan-kumpulan KIK dalam pertandingan Anugerah KIK yang dianjurkan.

JPPM Negeri	Tarikh Penilaian	Tajuk Projek
Sabah	21/10/2011	Sistem Maklumat Bersepadu Pertubuhan (ROSiS)
Perak	24/10/2011	Sistem Terimaan E-Kawalan
Kelantan	27/10/2011	Sistem Perakaunan Pertubuhan
Perlis	25/10/2011	Sistem Pengurusan Surat Keluar (e-Pose)
Sarawak	22/10/2011	e-Warta
Melaka	29/10/2011	

Jadual 12: Penyertaan Anugerah Inovasi JPPM 2011

	JOHAN	NAIB JOHAN	KETIGA
Tajuk Kajian	Sistem Maklumat Bersepadu Pertubuhan (ROSiS) (JPPM Negeri Sabah)	Sistem Pengurusan Surat Keluar (e-Pose) (JPPM Negeri Sarawak)	Sistem Terimaan, semakan dan Akaun Penyata Tahunan Pertubuhan (SisTA) (JPPM Negeri Perak)

Jadual 13: Pemenang Anugerah Inovasi JPPM 2011

JPPM Negeri	Nama Kumpulan	Tajuk Kajian
Pahang	IM8	Kelewatan Proses Kelulusan Pindaan Undang-Undang Tubuh Keseluruhan
Kelantan	KIJANG	Kelewatan Proses Kelulusan Undang-undang Tubuh Sebahagian
Sabah	MYROS	Kelewatan Memberi Maklumat Berkaitan Pertubuhan Pada Pelanggan Dan Stake-Holder
Perak	ROSTECH	Kelewatan Membekalkan Perlembagaan Pertubuhan Yang Terkini Kepada Pelanggan Di Kaunter
Terengganu	10 TEAM	Memendekkan Tempoh Proses Pindaan Undang-Undang Sebahagian Pertubuhan Induk
Johor	SUMMATION EIGHT	Kelewatan Meluluskan Permohonan Pertubuhan Dengan Segera
W.P. Kuala Lumpur	CIRCLE POINT	Penerimaan Dokumen Permohonan Pendaftaran Yang Tidak Efektif
Selangor	ANGGERIK	Meningkatkan Tahap Kepuasan Pelanggan Dalam Mendapatkan Maklumat Asas Pengurusan Pertubuhan Tanpa Perlu Menunggu Lama
Kedah	SINERGI	Pindaan Undang-Undang Tidak Dapat Diproses Pada Kali Pertama Permohonan Dikemukakan
Sarawak	G2	Masalah Kelewatan Pencarian Fail Pertubuhan Bercawangan
Negeri Sembilan	PERPATIH	Kelewatan Merangkum Penyata Tahunan
Perlis	ROS UTARA	Meningkatkan Penghantaran Kunci Kira-Kira Dalam Penyata Tahunan Pertubuhan

Jadual 14: Kumpulan-kumpulan KIK yang mengambil bahagian dalam pertandingan Anugerah kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

7.4 Pengurusan Aduan Awam Jabatan

Jabatan telah mengenal pasti panel hakim yang mempunyai pengalaman luas berkaitan aspek pengurusan Kualiti dan Inovasi dari Malaysia Productivity Corporation (MPC) dan pegawai-pegawai pengurusan dan profesional daripada Kementerian Dalam Negeri untuk mengadili Anugerah KIK yang dipertandingkan. Pemenang bagi Anugerah KIK pada tahun 2011 ditunjukkan seperti dalam Jadual 15.

Pemenang bagi setiap Anugerah seterusnya diumumkan semasa Majlis Sambutan Hari Inovasi Jabatan yang diadakan di Marina Cove Resort, Lumut, Perak pada 31 Disember 2011.

Sementara itu, Sambutan Hari Inovasi peringkat Kementerian Dalam Negeri telah diadakan pada 24 November 2011 bertempat di Auditorium D8, Kompleks D, Putrajaya. Selain pengumuman pemenang Anugerah Inovasi dan Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat Kementerian Dalam Negeri, pihak pengajar telah membuka penyertaan Pameran Inovasi kepada Agensi/Jabatan di bawahnya. Sambutan daripada pegawai-pegawai Kementerian dan Jabatan/Agensi di bawahnya amatlah menggalakkan. Program pameran ini secara tidak langsung dapat menggalakkan perkongsian ilmu serta mengeratkan semangat kekitaan di kalangan warga Jabatan dan Kementerian serta Jabatan/Agensi di bawah KDN.

Selain aduan awam melalui laman web, Jabatan juga menerima aduan yang disalurkan kepada Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri untuk tindakan Jabatan. Sepanjang tahun 2011, sebanyak 23 aduan awam diterima melalui Sistem i-SPAAA dan 27 aduan lagi diterima melalui Biro Pengaduan Awam.

Medium terbaru yang digunakan untuk mengemukakan sebarang pertanyaan ataupun aduan kepada Jabatan ialah melalui penggunaan Facebook Jabatan. Melalui cara ini, komunikasi secara dua hala dapat diwujudkan di antara pelanggan dan maklumat dapat disampaikan dengan segera dalam tempoh tidak lebih daripada satu hari.

Pengurusan Aduan Awam Jabatan pada tahun 2011 telah berjaya menyelesaikan kesemua aduan yang diterima melalui sistem i-SPAAA, Biro Pengaduan Awam dan Facebook dalam dalam tempoh masa yang singkat .

Tajuk Kajian	JOHAN	NAIB JOHAN	KETIGA
Kelewatan Proses Kelulusan Undang-undang Tubuh Sebahagian (Kump Kijang JPPM Negeri Kelantan)	Kesukaran Meningkatkan Penerimaan Penyata Tahunan Daripada Pelanggan di JPPM Negeri Kelantan	(Kump MyROS JPPM Negeri Sabah)	Maklumat Pertubuhan yang Dikemukakan oleh Persatuan kepada JPPM Sabah Kerap Tidak Lengkap (Kump ROSTECH JPPM Negeri Perak)

Jadual 15: Pemenang Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) JPPM 2011

AKTIVITI IBU PEJABAT JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA (JPPM) TAHUN 2011

1. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Majlis Jasamu Dikenang 2011



2. Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) JPPM 2011 pada 27 hingga 29 Jun 2011, bertempat di Hotel De Palma, Ampang, Selangor





3. Majlis Sesi Dialog Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Bersama Persatuan/Pertubuhan pada 25 Jun 2011 di Putrajaya



4. Majlis Sambutan Hari Raya Peringkat JPPM pada 15 September 2011





5. Pameran JPPM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sempena Majlis Sambutan Hari Raya Peringkat KDN di PWTC



6. Perhimpunan Bulanan Peringkat JPPM dan Mesyuarat Pengarah-Pengarah



7. Pertandingan Pameran Inovasi Sempena Sambutan Hari Inovasi Peringkat Kementerian Dalam Negeri (KDN), pada 24 November 2011 bertempat di Lobi D8, Kompleks D, Putrajaya.





8. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangandan Akaun (JPKA)



9. Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ)



PROGRAM KERJASAMA DENGAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)

1. Kembara Media Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) pada 9 hingga 11 September 2011 bertempat di Muar, Batu Pahat dan Johor Bharu. JPPM terlibat secara langsung dalam Forum "Johor Bharu Bandaraya Se Iamat", dengan melibatkan penyertaan daripada pertubuhan NGO.



GAMBAR-GAMBAR DI DEWAN JUBLI INTAN, MUAR, JOHOR PADA 10.12.2011



2. HARI BERTEMU PELANGGAN KDN DI NEGERI PAHANG BERSAMA PENDUDUK MUKIM TIOMAN PADA 27 JULAI 2011



GAMBAR-GAMBAR DI KOMPLEKS KDN, JOHOR BAHRU, JOHOR PADA 11.12.2011



PENCAPAIAN JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA (JPPM) SEPANJANG TAHUN 2011

- 1.1 Pada 21 Oktober 2011, JPPM Negeri Kelantan telah berjaya mendapat pingat emas di dalam Konvensyen Persekutuan 5S/QE Peringkat Kebangsaan yang telah diadakan di Sunway Convention Centre. Ini merupakan pencapaian terbaik JPPM bagi tahun 2011 kerana JPPM sedang melalui proses transformasi. Sebagai langkah awal, JPPM Negeri Kelantan yang berskala kecil telah dijadikan Jabatan pertama untuk mencapai tahap cemerlang dalam pelbagai aspek, dan seterusnya disusuli oleh JPPM negeri-negeri lain yang mempunyai kapasiti lebih besar dari segi bilangan tenaga kerja dan jumlah persatuan yang berdaftar untuk memperoleh pencapaian yang setimpal atau lebih baik. Ini kerana, sesuatu transformasi yang hendak dilakukan perlulah dimulakan dengan organisasi yang lebih kecil dan terus bergerak ke organisasi yang paling besar.
- 1.2 Selaras dengan Arahan Ketua Pengarah Bil 1/2011, JPPM telah menyediakan kaunter santai di Ibu Pejabat dan di semua cawangan JPPM negeri sebagai salah satu transformasi JPPM.
- 1.3 Transformasi JPPM berikutnya ialah Penurunan Kuasa Kepada Pengarah-Pengarah Negeri Untuk Menguruskan Pendaftaran Pertubuhan Dengan Segera.
- 1.4 Sejajar dengan transformasi JPPM, Program Outreach seperti Sesi Dialog, Taklimat dan Majlis Ramah Mesra Bersama Pertubuhan telah diadakan di semua negeri.
- 1.5 Transformasi JPPM seterusnya ialah melalui pelaksanaan pelbagai program kebajikan dan ke masyarakat seperti program anak angkat, sumbangan berbentuk kewangan kepada pertubuhan kebajikan dan majlis ramah mesra bersama pertubuhan sebagai tanda sokongan terhadap pertubuhan-pertubuhan yang berdaftar dengan JPPM.
- 1.6 Sebagai langkah pengantarabangsaan JPPM, Y.Bhg Dato KP JPPM telah menghadiri Mesyuarat Tahunan Asia Pasifik Group On Money Laundering APG Ke 14, pada 18 hingga 22 Julai 2011 bertempat di Cochin, India.

PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat adalah bertanggungjawab untuk menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan Teknologi & Komunikasi Maklumat (ICT) kepada Jabatan. Ini termasuklah melaksanakan perolehan perkakasan, perisian dan perkhidmatan ICT, merancang, membangun, melaksana dan menyelenggara sistem-sistem aplikasi Jabatan serta menyokong pelaksanaan aplikasi-aplikasi Elektronik Kerajaan (MyEG) di Jabatan, menyedia, memantau dan menyelenggara perkhidmatan rangkaian komunikasi Jabatan, memantau dan mengawal selia keselamatan ICT Jabatan supaya selaras dengan Dasar Keselamatan ICT Kementerian Dalam Negeri, menyediakan latihan-latihan ICT serta menyediakan khidmat nasihat dan sokongan teknikal ICT kepada para pengguna di Jabatan.

5.1 Aplikasi Registry of Societies Electronic System (ROSES)

Aplikasi ROSES merupakan aplikasi utama yang digunakan dalam memproses setiap urusan pertubuhan. Melalui aplikasi ini, setiap urusan pertubuhan direkod dan dikemaskini bagi memastikan penyediaan maklumat dan statistik yang terkini dan tepat. Bagi memastikan aplikasi ROSES sentiasa memenuhi keperluan pengguna, kajian dan peningkatan terhadap aplikasi ROSES dilakukan secara berterusan. Sepanjang tahun 2011, 100% aduan berkaitan aplikasi ROSES telah berjaya ditangani. Beberapa penambahbaikan telah dilakukan sepanjang tahun 2010 melibatkan modul Daftar Pertubuhan, Pembatalan, Pembubaran, Pindaan Undang-undang, Laporan dan Statistik, Kutipan Derma serta Daftar Cawangan. Penambahbaikan ini dilaksanakan berdasarkan aduan yang diterima dan 100% daripadanya telah diselesaikan.

Selain itu, penyelenggaraan kepada pangkalan data ROSES dan modul-modul yang tidak lengkap dilakukan secara berterusan selaras dengan perubahan proses kerja yang berlaku di Jabatan dan aduan yang diterima daripada pengguna. Statistik berkaitan pertubuhan juga disediakan berdasarkan kepada permohonan.

5.2 Khidmat Bantuan Teknikal

Bagi memastikan prasarana teknologi maklumat sentiasa berada dalam keadaan baik dan berfungsi secara

konsisten, Jabatan memberikan khidmat bantuan teknikal secara berterusan bagi mengatasi permasalahan yang dihadapi oleh pengguna. Sepanjang tahun 2011, sembilan (9) siri naziran telah dijalankan meliputi semua pejabat JPPM Negeri.

BAgi menjamin kemudahan ICT sentiasa berada ditahap yang memuaskan, penyelenggaraan perkakasan ICT diadakan mengikut suku tahunan. Keseluruhan 100% aduan teknikal yang diterima sepanjang tempoh 2011 telah berjaya diselesaikan.

Sementara itu, pemeriksaan aset telah dijalankan bagi tujuan pelupusan dan sebagai langkah juga untuk memastikan perkakasan ICT Jabatan sentiasa di kawalselia dengan baik.

5.3 Rangkaian Talian ROS*NET dan Emel Jabatan

Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan Jabatan seiring dengan globalisasi merentasi dunia tanpa sempadan, Jabatan mensasarkan prestasi rangkaian yang menyeluruh di semua lokasinya dan kemudahan Internet, emel dan aplikasi ROSES dapat dicapai tanpa gangguan.

Untuk tujuan itu, pemantauan terhadap talian JPPM telah dijalankan sebanyak 12 kali dan laporan daripada Pembekal Perkhidmatan berkenaan prestasi rangkaian sentiasa disemak dan direkodkan. Kontrak KDN*Net yang tamat pada November 2011 telah menyaksikan rangkaian kemudahan ICT Jabatan turut diserap masuk ke talian 1 Gov*Net dengan beberapa elemen penambahbaikan telah ditambah khususnya daripada segi keselamatan rangkaian.

Sementara itu, ke arah era transaksi tanpa kertas, Jabatan membudayakan penggunaan emel di kalangan para pegawai. Selaras dengan itu, Jabatan memastikan setiap pegawai mempunyai kemudahan emel dan digunakan bagi tujuan urusan rasmi. Bagi tujuan tersebut, kumpulan pengguna telah diwujudkan bagi memudahkan proses penghantaran emel dan interaksi di kalangan ahli.



Rangkaian Talian ROS*NET dan Emel Jabatan

Web Portal Jabatan

5.4 Capaian Web Portal Jabatan

Portal JPPM boleh dicapai melalui laman sesawang www.ros.gov.my dan diwujudkan sebagai satu platform penyebaran maklumat kepada orang awam. Portal ini telah dinaiktaraf pada September 2011 menggantikan portal sebelumnya. Portal ditampilkan dengan cara yang lebih interaktif dan lebih mesra pengguna. Pengemaskinan portal dan pangkalan datanya dijalankan dari semasa ke semasa bagi memastikan maklumat yang dipaparkan adalah tepat dan terkini. Sepanjang tahun 2011, capaian kepada web portal Jabatan adalah seperti dalam Rajah 19.

5.5 Perkhidmatan MySMS

Gerbang SMS Kerajaan diperkenalkan sebagai saluran alternatif kepada pelanggan untuk mendapatkan perkhidmatan yang disediakan oleh agensi-agensi Kerajaan. Melalui kaedah ini, pelanggan boleh mendapat perkhidmatan daripada Kerajaan dengan mudah, ringkas dan berkesan dengan menggunakan telefon mudah alih.

Inisiatif perkhidmatan MySMS yang disediakan oleh Jabatan adalah seperti berikut:

- i) Maklumat di atas permintaan
Semakan direktori Ibu Pejabat dan JPPM Negeri
- ii) Dokumen di atas permintaan
Muat turun borang berkaitan pertubuhan
- iii) Semakan status pertubuhan Berdaftar
- iv) Semakan status pendaftaran Pegawai Harta
- v) Semakan status pendaftaran Pegawai Awam

5.6 Keselamatan dan Pematuhan Keselamatan ICT

Selaras dengan usaha untuk melindungi aset ICT Jabatan, mengurangkan impak insiden keselamatan ICT dan menjamin kesinambungan perkhidmatan, pematuhan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil 1 Tahun 2003 iaitu Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik di Agensi-agensi Kerajaan telah dimaklumkan kepada semua pegawai Jabatan.

Bagi kes pencerobohan maklumat, laporan serta log capaian sistem sentiasa dimaklumkan kepada GCERT untuk tindakan penyelesaian. Surat Pematuhan Arahan Keselamatan ICT dan Dasar Kes-

elamatan ICT juga telah diedarkan kepada seluruh warga Jabatan sebagai rujukan dan panduan. Selain itu, bagi menyokong keselamatan ICT Jabatan, pemasangan perisian anti virus fsecure telah dilakukan di semua aset ICT Jabatan.


5.7 Facebook JPPM

Facebook JPPM telah mula beroperasi pada 01 Mac 2011. Sehingga kini, keahlian facebook JPPM telah mencecah sehingga 600 orang melebihi kapasiti sumber manusia JPPM sendiri iaitu seramai 255 orang. Ini menggambarkan bahawa facebook JPPM semakin mendapat tempat di hati pelanggan JPPM yang bijak menggunakan facebook sebagai medium untuk perkongsian maklumat dan ruang untuk mengemukakan pandangan serta mengajukan sebarang pertanyaan berkaitan pengurusan pertubuhan. Facebook JPPM akan sentiasa dikemaskini setiap hari bagi memastikan kandungan yang terkini di dalam memaparkan berita-berita dan aktiviti-aktiviti semasa JPPM sama ada yang akan diadakan, sedang diadakan ataupun yang telah selesai dilaksanakan.

5.8 Pembangunan semula Sistem Pengurusan Pertubuhan

Sistem Pengurusan Pertubuhan telah dibangunkan secara dalaman dengan menggunakan khidmat Pasukan Perunding MAMPU dan agensi-agensi lain di bawah Kementerian Dalam Negeri. Pembangunan sistem ini menggunakan kombinasi metodologi structured, agile dan iterative bagi memenuhi tempoh pelaksanaan singkat yang telah ditetapkan. Kaedah Transfer of Skill (ToS) secara on the job training telah dibuat bagi memperkasakan pegawai Jabatan serta agensi-agensi lain untuk meneruskan pembangunan dan penyelenggaraan sistem pada masa akan datang.

Sistem dijangka boleh digunakan pada Januari 2012 yang memberarkan permohonan secara atas talian serta merangkumi pembayaran secara online. Selaras dengan usaha untuk menjayakan pembangunan sistem, satu bengkel penetapan proses kerja telah diadakan pada 24 hingga 26 April 2011 di Everly Resort Hotel, Melaka yang menggabungkan Subject Matter Expert (SME) dan juga pegawai teknikal.



Rajah 19: Capaian Web Portal Jabatan sepanjang tahun 2011



Facebook JPPM



Aplikasi Registry of Societies Electronic System (ROSES)



PAUTAN FACEBOOK JPPM DI PORTAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA

PAUTAN FACEBOOK JPPM DI PORTAL PERSATUAN PENGGUNA ISLAM MALAYSIA

sembangsembang

Pengadu 1 : Tuan Haji Ahmad Razali-Pengerusi Perbadanan Villa Puteri

Projek pembinaan apartment Regalia oleh pemaju Mayland telah bermula sejak 2008. Antara masalah yang timbul adalah, mereka bekerja sehingga lewat malam dan lewat pagi, nyamuk, debu, kotor, bising dan sebagainya.

Perkara ini telah dibawa ke pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Polis dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tetapi masalah ini masih berterusan. Development Order juga diluluskan sedangkan pembinaan apartment ini tidak cukup jalan keluar masuk kelak hingga bakal mengundang kesesakan lalulintas.

Pengadu 2: Puan Kartina Aziz-Wakil penduduk Villa Putera

Pihak Mayland telah menggunakan kawasan sekitar untuk pembuangan sampah. Ia telah mengganggu keharmonian penduduk di sana. Berharap agar pihak Mayland lebih sistematis dalam kerja-kerja mereka kerana ini Bandar bukan kawasan pembuangan sampah.

Berharap juga pihak berwajib turun untuk meninjau kawasan yang dipenuhi dengan

PAUTAN FACEBOOK JPPM DI PORTAL DEWAN PERNIAGAAN MELAYU MALAYSIA NEGERI SELANGOR

دewan فرنيگان ملايو مليسا نكري سلاغور
DEWAN PERNIAGAAN MELAYU MALAYSIA NEGERI SELANGOR

LAMAN UTAMA DARI MEJA YDP INFORMASI PROGRAM PENGETAHUAN KEAHLIAN KOMUNITI PERKHIDMATAN DIREKTORI PAUTAN HUBUNGI KAMI

Login Emel Kataluan Log Masuk Dahul Kataluan Terlupa Kataluan? Pautan

[FACEBOOK JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN \(ROS\)](#)

ANAK SYARIKAT (GLC)
INMIND
INPENS
SUK
LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
Kerajaan N. Selangor
Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor
Perangsang

Masa itu emas

Kalendar Aktiviti

PAUTAN DENGAN MAPO, KDN

Select Language | Pengumuman | RSS

Maklumat Korporat
Direktori
JPPM Negeri
Piagam Pelanggan
Pencapaian Piagam Pelanggan

Select Language | Pengumuman | RSS

Maklumat Korporat
Direktori
JPPM Negeri
Piagam Pelanggan
Pencapaian Piagam Pelanggan
Galeri

[Facebook MAPO](#)

Darikhidmatan Rorano

PAUTAN FACEBOOK JPPM DI PORTAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA

PSM mengucapkan takziah kepada keluarga atas pemergian Allahyarham Tan Sri Dato' Hj. Dol Ramli pada 25 Januari 2011, Selasa bersamaan 20 Safar 1432 Hijrah. Allahyarham merupakan Ahli Jawatankuasa Eksekutif, Felo PSM. PSM mendoakan agar roh Allahyarham ditempatkan di kalangan orang-orang beriman.

Al-fatihah.

PAUTAN LAIN

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN MALAYSIA
ARKIB NEGARA MALAYSIA
Jabatan Warisan Negara
JABATAN MUZUM MALAYSIA
BADAN WARISAN MALAYSIA
Portal Merdeka Malaysiaku Gemilang

Maklumat yang diterima mudah difahami

Maklumbalas diterima dengan segera

Perkongsian Aktiviti JPPM Dengan Pengguna
JPPM

PRESTASI PERBELANJAAN

PRESTASI PERBELANJAAN

Secara keseluruhan, Peruntukan Belanjawan Mengurus Jabatan bagi tahun 2011 adalah sebanyak RM 20,519,200.00. Daripada jumlah ini, sebanyak 90.18% iaitu RM 18,408,509.48 telah dibelanjakan. Jadual 16 menunjukkan perincian perbelanjaan yang diterima dan dibelanjakan pada tahun 2011.

Jenis Perbelanjaan	Jumlah Peruntukan (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)
Emolumen	9,799,000.00	9,587,176.73
Perkhidmatan dan Bekalan	10,210,615.00	8,281,235.35
Aset	180,000.00	180,000.00
Pemberian dan Kenaan Tetap	450,800.00	450,800.00
Bayaran-bayaran Lain	5,080.00	5,080.00
Jumlah	20,519,200.00	18,504,292.08


Jadual 16: Prestasi Perbelanjaan bagi tahun 2011

Pada tahun 2011, jumlah kutipan hasil Jabatan adalah sebanyak RM 255,315.37, di mana jumlah tersebut diperolehi daripada hasil kutipan fi yang dikenakan untuk yuran carian maklumat pertubuhan dan yuran rayuan terhadap penolakan atau pembatalan pendaftaran pertubuhan serta jualan panduan/contoh Perlembagaan Pertubuhan. Jadual 17 menunjukkan jumlah kutipan hasil yang diperolehi bagi setiap JPPM

NEGERI	KUTIPAN FI (RM)	JUALAN BUKU PANDUAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN (RM)	JUMLAH (RM)
Ibu Pejabat	32,484.00	72.00	32,556.00
W.P.Kuala Lumpur	37,108.00	287.00	37,395.00
Pulau Pinang	17,976.00	222.00	18,198.00
Kedah	12,543.00	76.00	12,619.00
Perak	27,686.00	279.55	27,965.55
Melaka	10,143.00	33.00	10,176.00
Johor	19,706.00	104.00	19,810.00
Terengganu	2,808.00	34.00	2,842.00
Pahang	7,292.00	43.00	7,335.00
Sabah	14,730.00	10.00	14,740.00
Sarawak	10,946.00	-	10,946.00
Negeri Sembilan	9,383.00	2.00	9,385.00
Selangor	43,349.00	41.00	43,390.00
Kelantan	5,962.82	-	5,962.82
Perlis	1,982.00	13.00	1,995.00
JUMLAH	254,098.82	1,216.55	255,315.37

Jadual 17: Jumlah kutipan hasil yang diperolehi bagi setiap JPPM Negeri

Bagi memastikan pentadbiran kewangan direkod dengan teratur, Unit Kewangan Ibu Pejabat telah menjalankan sebanyak dua kali naziran ke pejabat JPPM Negeri yang terpilih. Lawatan tersebut bertujuan untuk menyemak Penyata Penyesuaian Hasil, Penyata Penyesuaian Belanja Mengurus (Vot), Buku Pemeriksaan Mengejut Am 28 (A.P. 309), Baucar-Baucar Bayaran, Buku Daftar Penggunaan Setem Dan Jualan Borang, Buku Panjar Wang Runcit, Rekod Panjar Wang Runcit dan Buku Tunai Kew. 249 (Penyata Pemungut Pungutan Hasil). Semasa menjalankan naziran, beberapa teguran dan bimbingan terus mengenai pelaksanaan arahan-arahan semasa Kementerian dan Perbadanan Malaysia telah diberikan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ).



TAKWIM

TAKWIM 2011

JADUAL AKTIVITI JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA

BIL.	Aktiviti Bulan	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis
1.	Mesyuarat Pengurusan dan Perhimpunan Bulanan	10	8	8	12	10	14	12	9	13	11	15	13
2.	Mesyuarat J/K Penyelarasan Pemodenan Pentadbiran Awam Jabatan		8		12		14		9		11		13
3.	Mesyuarat Kajian Setengah Tahun 2010/Perancangan Strategik Tahun 2011						17						14
4.	Majlis Bersama Jabatan (MBJ)			21-22			23-24			19-20		28-29	
5.	Mesyuarat Pegawai-Pegawai Pendaftaran					11-12					30	1	
6.	Mesyuarat Pengarah-pengarah			1-2			15-16			14-15		16-17	
7.	Mesyuarat J/K Keutuhan Tadbir Urus			1-2				13			12		
8.	Mesyuarat J/K Pengurusan Kewangan Dan Akaun	18 (4/2009)			13			13			12		
9.	Mesyuarat J/K Pengurusan Aset Alih Kerajaan				13			13			12		12
10.	Mesyuarat Penyelarasan Aduan dan Penguatkuasaan Pertubuhan		10-11			2-3					26-27		5-6
11.	Mesyuarat Kajian dan Pensijilan Semula MS ISO 9001:2008	19											
12.	Mesyuarat Audit Dalam MS ISO 9001:2008					4-5							
13.	Mesyuarat Audit Pematuhan MS ISO 9001:2008											4	
14.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT Jabatan				13			14			12		
15.	Program Jabatan Bersama Media				18-22								
16.	Naziran Kewangan dan Akaun		14			13		5					
17.	Naziran Keselamatan Perlindungan Bangunan dan Dokumen		22			19		15					
18.	Naziran Pengurusan Pertubuhan Ke JPPM Negeri		23			26		22					
19.	Konvensyen KIK					26-28							
20.	Sambutan Hari Inovasi												31
21.	Kursus Pengurusan Pertubuhan		9-PPG 21-TRG 24-SBH 28-PER	9-PHG 23-SEL 24-WKL 10-SWK 30-MEL	3-NSE 6-PRK 14-JHR 24-KDH			7-SBH 17-KEL 24-KDH 27-NSE			5-PRK 17-PPG 19-SWK 25-WKL	1-SEL 3-PER 10-JHR 8-PHG 18-TRG	
22.	Dialog Bersama Pertubuhan	25-JHR 27-MEL	13-SWK 20-KEL	10-PRK 27-KDH 29-SBH 31-PPG	5-WKL 7-NSE 17-TRG 25-PER 26-SEL 28-PHG			3-TRG 19-PPG 21-PER 26-JHR			6-MEL 13-SEL 16-KEL	20-KDH 22-NSE 24-PHG 30-SBH	15-WKL 20-SWK 22-PRK
23.	Hari Keluarga dan Sukan Tahunan Jabatan												30
24.	Majlis Hari Raya										15		

*Tarikh program/aktiviti adalah tertakluk kepada pindaan

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

DATO' ABDUL RAHMAN BIN OTHMAN
KETUA PENGARAH

PENASIHAT

TUAN HAJI FISON BIN HAJI YAHAYA
TIMBALAN KETUA PENGARAH

PENGARANG

ENCIK DASMOND DAS A/L MICHAEL DAS
ENCIK JULNAIN BIN ABDUL
PUAN NAGLAA ISMAIL
ASP ARSAD BIN KAMARUDDIN
PUAN NOOR AZAH BINTI ABDUL RAHMAN

PENYUNTING

PUAN NAGLAA BINTI ISMAIL

KERATAN AKHBAR

Akta baru: Tahan tanpa bicara kekal

Oleh THOMAS CHONG
berita@theborneopost.com

PUTRAJAYA 21 Nov. - Akta baru yang bakal mengantikan Akta Kelembaman Dalam Negeri (ISA) pada Mac tahun depan tetap mempunyai ciri-ciri penahanan tanpa bicara bagi menangani aktiviti militan dan keganasan yang mengancam negara.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri

Hishammuddin Tun Hussein ber-

kata, berlainan dengan ISA, dua akta

menetapkan beberapa perubahan

seperti dalam soal tempoh tahanan,

notis kepada keluarga yang ditahan,

dan keperluan untuk mereka mem-

buat rayuan.

Menurutnya, dua akta itu akan

mempertukar persamaan dengan

Amerika Syarikat, Akta Pencegahan

Keganasan United Kingdom dan Akta

Keganasan Australia yang di-

kutukusakan di negara-negara yang

terkenal dengan perjangan

halas dalam dunia ini.



Daftar pertubuhan secara online mulai Januari

KUALA LUMPUR: Bermula 1 Januari depan, pendaftaran per-

Crisis flares up again

Pre-dawn fire destroys SUPP's CWC meeting room

By Gary Adit
reporter@theborneopost.com

KUCHING: The meeting room of SUPP's Central Working Committee (CWC) at the party's headquarters in Jalan Ong Kee Hui was razed in a pre-dawn fire yesterday.

The incident came to light when the Fire and Rescue Services Department received a distress call at 3.51am, prompting two

engines from the Padungan station to be dispatched to the scene.

